SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 29 SEPT 2014 | Jilid 44 Bil 1 | RM1.00 | bkusm11@yahoo.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS **Si cilik dalam menara ilmu | 10-11**

Keselamatan kampus tanggungjawab bersama

Tahap keselamatan siswa-siswi dalam kampus menjadi tanggungjawab yang penting untuk semua orang. Pihak Jabatan Keselamatan dan Jabatan Kebajikan dan Kesejahteraan Siswa Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) memainkan peranan untuk menjaga keselamatan siswa siswi terutamanya pada waktu malam.

Ketua Jabatan Kebajikan dan Kesejahteraan Siswa MPP, Zhameir Shafiq Mohd Ilias berkata pihaknya cuba untuk berjumpa dengan pihak Jabatan Keselamatan setiap dua minggu bermula pada bulan Oktober untuk berbincang mengenai keselamatan siswa-siswi.

"Kami cuba membuat kerjasama dengan setiap jabatan di USM antaranya menjalinkan hubungan dua hala antara kakitangan, penggawa, dan Jabatan Keselamatan USM untuk memudahkan siswa siswi", katanya kepada wartawan *Berita Kampus*.

Menurutnya lagi, Jabatan Keselamatan sering melakukan rondaan malam dan melakukan sekatan jalan dalam kampus untuk membuat pemeriksaan pelekat kenderaan, lesen, cukai jalan dan kad matrik terhadap pengguna kenderaan sejak awal semester.

Peranan Jabatan Kebajikan dan Kesejahteraan Siswa MPP turut melibatkan isu kewangan, kafe, dan desasiswa menjadi tanggungjawab mereka sebagai orang perantaraan.

"Saya berharap siswa-siswi yang pulang ke desasiswa lewat malam berjalan secara berkumpulan dan berjalan di kawasan yang cerah. Sekiranya perlu bersendirian maklumkan kepada rakan sebilik", katanya.



MENARIK... Persembahan pembukaan oleh Adikarma USM bagi Malam Variasiswa 2014 yang telah diadakan di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) pada 19 September 2014. **Sila lihat halaman 3 untuk berita selanjutnya.**

Perpustakaan USM laksana sistem baru pencarian maklumat

Oleh **SHANGITHA SADAYAN**

Seluruh rangkaian Perpustakaan USM menggunakan sistem Koha yang merupakan sumber terbuka dan juga sistem perpustakaan bersepadu (ILS) mula di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) pada 2009, seterusnya di USM Kampus Induk pada akhir bulan Jun 2014.

Menurut Timbalan Pustakawan USM, Mohd Nasir Hj Md Rashid, sistem sumber terbuka ini lebih menjimatkan kos sekaligus membantu universiti bijak dalam menguruskan kewangan industri. Penyelenggaraan sistem Koha dilakukan dengan menggunakan kepakaran dalaman. Untuk memantapkan kemahiran staf yang terlibat dalam proses penyelenggaraan ini, seminar, latihan, dan bengkel akan diadakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

"Sistem terbaru ini telah berjaya mengurangkan kos penyelenggaraan kepada kadar sifar berbanding dengan penggunaan sistem Krisalis terdahulu yang menelan ratusan ribu ringgit untuk tujuan yang sama," tambah beliau lagi.

Siti Norehan, Ilmu Kemanusiaan, 2 berkata sistem Koha sememangnya amat ringkas dan mudah digunakan berbanding dengan sistem yang sebelumnya. Rangkaian pencarian jurnal mahupun buku-buku rujukan dalam sistem terbuka ini bersifat sistematik dan efektif kerana senarai rujukan yang dipaparkan adalah secara keseluruhan berkaitan dengan kata kunci ataupun topik yang dikehendaki.

Menurut Siti, penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem terbuka ini menjadi satu cabaran yang baik kepada siswa-siswa untuk mengukuhkan lagi tahap pemahaman dan kemahiran dalam menggunakan bahasa global tersebut. Nasir menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem Koha telah diselaraskan untuk kebaikan bersama dengan mengambil kira kepentingan siswa-siswi dari luar negara juga.

USM juga telah memenangi Anugerah Kajian Kes Perisian Sumber Terbuka Kebangsaan dalam acara tahunan Mygoscon 2009. Beberapa institusi antaranya Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Utara Malaysia, dan Universiti Tenaga Nasional telah mengadakan lawatan ke USM untuk memerhatikan seterusnya memahami secara terperinci mengenai pengendalian sistem Koha ini.

Nasir juga berkata bahawa segala maklum balas daripada siswa-siswi amat dialu-alukan kerana ia dapat membantu dalam usaha untuk membangunkan sistem terbuka yang sedia ada dari semasa ke semasa.

> Sistem terbaru ini telah berjaya mengurangkan kos penyelenggaraan kepada kadar sifar berbanding dengan penggunaan sistem Krisalis terdahulu yang menelan ratusan ribu ringgit untuk tujuan yang sama.
>
> Timbalan Pustakawan USM, Mohd Nasir Hj Md Rashid

Jangan sia-siakan peluang belajar di USM

Lebih 21,000 orang memohon untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) pada sesi 2014/2015. Ini ialah jumlah yang besar dan menunjukkan bahawa ramai anak muda yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, hanya 4,083 orang sahaja yang berjaya melanjutkan pelajaran di USM pada sidang baru ini, iaitu 2,919 orang di Kampus Induk, 519 orang di Kampus Kejuruteraan, dan 645 orang di Kampus Kesihatan.

Siswa-siswi yang menuntut di USM perlu merasakan diri ini terpilih dan dipilih oleh Tuhan untuk memartabatkan lagi ilmu dan memperbanyakkan lagi ilmuan yang tersohor di Malaysia.

Hal ini kerana USM adalah salah satu tempat terbaik menimba ilmu dan berkongsi ilmu. Tugas seorang siswa-siswi bukan sahaja belajar tetapi menyebarkan ilmu yang diperolehi untuk membimbing masyarakat.

Selain itu, siswa-siswi bukan sekadar fokus sepenuhnya terhadap pelajaran. Mereka mesti aktif dalam kokurikulum serta bersosial dengan masyarakat agar tidak ada jurang antara siswa-siswi dan masyarakat setempat.

Justeru, siswa-siswi perlu memperbanyakkan aktiviti bersama masyarakat setempat supaya lebih peka. Antara kegiatan yang boleh dilakukan seperti khidmat masyarakat dan kerohanian.

Peluang yang diperolehi untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi janganlah disia-siakan oleh siswa-siswi. Usahlah menghampakan harapan yang diletakkan oleh ibu bapa untuk melihat anak mereka berjaya selepas tamat pengajian.

Tidak menghadiri kuliah, meniru, menyertai demonstrasi jalanan antara kegiatan tidak berfaedah yang perlu dielakkan oleh siswa-siswi. Hal ini demikian kerana ia bakal membawa keburukan.

Akhir kata, siswa-siswi yang dapat peluang melanjutkan pelajaran di USM perlu berusaha sebaik mungkin bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi perlulah bijak menguruskan masa agar dapat melahirkan graduan yang cemerlang seiring dengan visi dan misi USM.

> “Mereka mesti aktif dalam kokurikulum serta bersosial dengan masyarakat agar tidak ada jurang antara siswa-siswi dan masyarakat setempat.”

Alamat | Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi **Telefon** | 04-653 5071 |
E-mel | bkusm11@yahoo.com

Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.

Beri nasihat biar berhemah

Manusia tidak pernah terlepas daripada melakukan kesalahan. Meskipun kesalahan itu dianggap besar mahupun kecil, perkara tersebut hendaklah segera diperbaiki agar ia tidak menjadi lebih parah. Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk mengatasi dan mengelak perkara yang membawa ke arah keburukan. Pasti terdapat pelbagai cara untuk melakukannya.

Sesungguhnya memberi nasihat itu ialah amalan baik kerana amalan ini sentiasa diamalkan oleh golongan seperti para Nabi dan rasul. Di dalam hadis daripada Abu Ruqaiyah Tamim bin Aus al-Dariy r.a, bahawa sesungguhnya Muhammad S.A.W bersabda, “agama itu adalah nasihat”.

Manakala, agama lain juga turut menekankan amalan nasihat ialah satu perkara yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Ia membawa erti bahawa yang amalan itu hendaklah menggunakan perkataan yang terbaik dan ikhlas serta bersih dari maksud yang tidak baik.

Nasihat juga perlu dilakukan dengan baik dan penuh bijaksana. Amalan itu bukanlah bertujuan untuk membuka aib seseorang di khalayak umum kerana nasihat ialah satu cara pembaikan sedangkan membuka aib itu adalah satu kerosakan.

Oleh itu, jauhi cara yang kasar dan keras ketika memberi sesuatu nasihat. Semakin lembut caranya, semakin ia dapat diterima oleh hati. Teguran secara berhikmah sesama insan boleh disama ertikan sebagai ingin menjaga hubungan baik sesama insan.

Dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud, “Maka disebabkan rahmat daripada Allah (Kepadamu wahai Muhammad), kamu bersikap lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap kasar dan keras hati, tentunya mereka akan menjauhkan diri daripada kamu. Oleh itu maafkan mereka, mohonlah keampunan bagi mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu (peperangan dan hal-hal keduniaan). Kemudian apabila kamu bertawakal kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal kepada-Nya.” (Surah Ali ‘Imran 3 ayat 159).

Nasihat hendaklah disampaikan dengan kata-kata yang baik agar mudah diterima dan dilaksanakan. Jika kita menegur secara berhikmah, sebenarnya kita menjaga hubungan baik sesama insan. Adalah bukan suatu keperluan sebenarnya untuk kita menegur seseorang itu dengan kasar seperti cara tengkingan, lantang bersuara, dan memaki hamun orang yang ingin ditegur.

Tindakan ini tidak menunjukkan etika sebenar dalam menasihati sesama manusia. Perbuatan seperti ini mampu memberi kesan yang negatif seperti menjatuhkan maruah diri sendiri. Tidak mustahil perbuatan sedemikian juga mampu mengurangkan sikap hormat orang lain terhadap diri kita.

Tanpa mengira kepercayaan dan agama, dalam diri setiap manusia memerlukan sifat tanggungjawab terhadap orang di sekelilingnya untuk mengingatkan dan menyedarkan dengan penuh kelembutan dan penghormatan jika mereka lalai dan salah.

Nasihati dan bimbinglah mereka dengan ajaran agama. Kata-kata yang baik adalah berharga kerana ia suatu kebaikan terhadap orang lain walaupun ia hanya ialah satu ucapan perkataan sahaja. Oleh demikian, lindungi aib dan cintai mereka sebagaimana kita mencintai diri sendiri.

Apabila kita melihat mereka melakukan keburukan, memadai benci terhadap perkara buruk tersebut, bukan diri atau pelakunya. Apabila seseorang meminta nasihat daripada kita dalam sesuatu perkara dan meminta pendapat kita yang terbaik, hendaklah kita bersungguh-sungguh dalam menasihatinya, baik dalam hal dia sukai mahupun tidak. Hikmahnya tetap ada untuk kebaikan bersama.

Memberi sesuatu kebaikan, balasannya juga pasti kebaikan. Kebaikan dengan manusia akan dibalas oleh Allah dengan syarat amalan tersebut bukan untuk menunjuk-nunjuk atau dipuji oleh manusia.

> “Tanpa mengira kepercayaan dan agama, dalam diri setiap manusia memerlukan sifat tanggungjawab terhadap orang di sekelilingnya untuk mengingatkan dan menyedarkan dengan penuh kelembutan dan penghormatan jika mereka lalai dan salah.”

Erti tanggal 16 September

Hari Malaysia yang jatuh pada 16 September setiap tahun ialah tarikh yang sangat penting pada negara Malaysia selepas Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos. Hari Malaysia ini menandakan penyatuan sepenuhnya Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah dan Sarawak pada 16 September 1963 untuk membentuk sebuah negara yang diberi nama Malaysia.

Hari tersebut seharusnya disambut dengan penuh rasa bertuah oleh seluruh rakyat Malaysia hidup dalam keadaan harmoni serta mengekalkan keamanan yang telah diperolehi dengan susah payah oleh pejuang-pejuang kemerdekaan negara.

Hari Malaysia juga sepatutnya dihayati dengan menambahkan pengetahuan tentang perjalanan yang berlaku di sebalik penyatuan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Sejarah Hari Malaysia bermula pada 27 Mei 1961. Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada waktu itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengumumkan rancangan untuk menggabungkan Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak di dalam satu ikatan politik.

Pada masa ini, terdapat segelintir masyarakat Malaysia yang masih tidak mengenali erti Hari Malaysia yang sebenarnya. Mereka hanya sekadar menganggapnya sebagai hari cuti umum yang biasa digunakan untuk berlibur. Dalam kalangan mereka, terdapat generasi muda yang juga tidak sedar akan kewujudan Hari Malaysia. Perkembangan media sosial kini yang sangat meluas dengan adanya Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya sedikit sebanyak telah disalahgunakan dan melalikan mereka daripada memahami erti sebenar kemerdekaan iaitu perasaan cinta akan negara. Tiada guna jika menulis status di Facebook atau Twitter dan memuat naik gambar tentang Hari Malaysia di Instagram jika erti kemerdekaan tidak dihayati sepenuhnya.

Penyelesaian terhadap masalah ini bukan sekadar dengan pengajaran subjek Sejarah di sekolah tetapi penerapan erti setiap bibit sejarah yang diajarkan supaya memberikan kesedaran terhadap para pelajar untuk mengambil iktibar daripada kesilapan lampau dan memanfaatkan kejayaan yang diperoleh untuk masa hadapan. Masyarakat juga seharusnya bangga dengan setiap lambang negara seperti menghormati lagu *Negaraku* yang dimainkan di dalam pawagam sebelum filem ditayangkan.

Masyarakat dan golongan muda khususnya perlu sedar akan kepentingan semangat cinta akan negara dan menghargai Malaysia sebagai kediaman hakiki kita, rakyatnya. Kerana, Di Sinilah Lahirnya Sebuah Cinta.

Tiada aduan kekurangan bas pada waktu puncak

Oleh **NURSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Tiada aduan kekurangan bas terutama pada waktu puncak meskipun siswa-siswi terpaksa berasak-asak menaiki bas hingga berdiri di hadapan pintu bas sejak 2 minggu lalu.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan Sektor Kemudahan dan Perkhidmatan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Moganeswary Muthusamy, "setakat ini belum ada aduan yang diterima kami tentang masalah yang dihadapi siswa-siswi berkaitan perkhidmatan bas".

Jelasnya lagi, sehingga kini sebanyak 10 buah bas telah disediakan meliputi tiga bas Laluan A, satu bas Laluan B, satu bas Laluan C, satu bas Laluan AC, dua bas Laluan D dan dua bas Laluan E untuk kemudahan siswa-siswi.

Beliau berkata masa pusing cepat (*peak hours*) bas akan membuat pusingan lebih kerap iaitu pada 8-10 pagi setiap 5 minit, 12 tengahari -2 petang dan 5 petang -7 malam setiap 10 minit. Manakala bukan masa pusing cepat (*non-peak hours*) setiap 20 minit.

Tegasnya lagi, "kami ialah satu unit yang memantau perkhidmatan bas dan eko-van serta mutu kerja pemandu bas tetapi tidak boleh mengambil sebarang tindakan sewenang-wenangnya untuk tambah unit bas tanpa suara dari siswa-siswi sendiri."

Tambahnya lagi, segala cadangan atau aduan boleh disalurkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) terlebih dahulu seterusnya perbincangan mengenai tindakan seterusnya boleh dilakukan.



SISWA-SISWI berasak-asak menaiki bas Laluan D (Padang Kawad-HBP-Padang Kawad) yang hanya mempunyai 2 unit bas.

Cermin kereta pecah akibat pemotong rumput

Cermin tiga buah kereta milik siswa-siswi telah pecah akibat kerja-kerja pemotongan rumput. Kejadian berlaku di kawasan parkir Dewan Kuliah S,T,U, V dan W pada 18 September yang lalu.

Afrina Shaheera, Perumahan, Bangunan dan Perancangan 3, berkata beliau terkejut melihat keadaan keretanya bersama dua buah kereta lain yang telah pecah cerminnya. Ketika kejadian dia dan beberapa rakan yang lain berada di Dewan Kuliah R dan hanya menyedari kejadian itu pada jam 10.45 pagi sejurus sampai di tempat kejadian.

Bagi Tan Yi Lynn, Komunikasi 2, pada awalnya beliau sudah melihat kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan berdekatan dan merasa hal sebegini akan berlaku. Namun, beliau tidak menyangka akan berlaku kepada dirinya.

Menurut Ketua Seksyen Siasatan, Risikan & Audit Jabatan Keselamatan (JK), Tuan Helmi Mat Yusof, berkata perkara ini sering berlaku dalam kawasan kampus yang melibatkan siswa-siswi dan kakitangan USM sendiri. Statistik pada tahun ini sahaja mencatat 30 kes cermin kereta pecah akibat kerja-kerja pemotongan rumput.



SALAH sebuah kereta yang cerminnya pecah akibat kerja pemotongan rumput.

> "Dari segi kewajaran memang itu adalah tugas mereka namun mereka seharusnya berhenti sekiranya cermin salah sebuah kereta pecah atau retak."

"Sepatutnya kerja-kerja ini diatur dengan sebaiknya untuk mengelakkan perkara ini berulang lagi. Dari segi kewajaran memang itu adalah tugas mereka namun mereka seharusnya berhenti sekiranya cermin salah sebuah kereta pecah atau retak", jelasnya.

Menurut Afrina, beliau berharap akan ada tindakan susulan selepas kejadian ini dan menasihatkan siswa-siswi lain agar lebih berhati-hati dan pihak berwajib lebih peka dengan meletakkan tanda sebelum dan semasa kerja-kerja pemotongan rumput dijalankan.

"JK hanya menerima aduan dan mengambil tindakan awal seperti mengesahkan kejadian. Proses aduan dan ganti rugi akan mengambil sedikit masa kerana melibatkan pihak insurans dan Jabatan Bendahari. Saya berharap agar siswa-siswi meletakkan kenderaan di ruang yang disediakan dan mempunyai pelekat kenderaan agar memudahkan JK. Saya menasihatkan siswa-siswi agar melaporkan sebarang kejadian kepada kami dengan kadar yang segera", jelas Tuan Helmi lagi.

Variasi bakat keunikan Variasiswa 2014

Variasiswa 2014 mempamerkan bakat siswa-siswi tahun pertama yang melaksana sembilan teras Apex telah berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (DTSP USM). Program ini turut disertai oleh siswa-siswi dari Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan dan Pelajar) merangkap Pemangku Naib Canselor, Prof Adnan Hussein, Variasiswa disambut sempena memperingati kemerdekaan Malaysia dan program ini dianjurkan sebagai kemuncak minggu Program Siswa Lestari. Beliau berharap agar dapat melihat persembahan yang unik dan menarik daripada semua desasiswa yang terlibat.

Pengarah Variasiswa 2014, Wee Soon Kit berkata Variasiswa dianjurkan dengan beberapa matlamat seperti untuk mencungkil bakat siswa-siswi tahun pertama, menerapkan teras Apex dalam diri, memupuk semangat cinta akan universiti dan sekaligus meningkatkan nilai patriotik dalam diri.

"Kelainan Variasiswa 2014 berbanding tahun sebelumnya ialah dari segi penganugerahan. Semua desasiswa akan mendapat anugerah berdasarkan kualiti aspek persembahan yang ditonjolkan namun hanya sebuah desasiswa sahaja yang akan memenangi kategori persembahan terbaik," jelasnya.

"Sambutan siswa-siswi amat menggalakkan dan hebahan mengenai program ini telah lama dilakukan. Pembimbing Program Siswa Lestari (PPSL) memainkan peranan dalam membantu melaksanakan gerak kerja di desasiswa masing-masing," ulas beliau.

Menurut Farah Wahidah Abdul Salim, Sains Kesihatan 1, pasukannya hanya berlatih selama dua hari sahaja. Tempoh latihan yang singkat mencabar mereka untuk berusaha sebaik mungkin demi mengangkat nama desasiswa.

"Pasukan kami masih lagi bersemangat dan masing-masing memainkan peranan dan memberikan kerjasama yang padu dalam menjayakan Variasiswa 2014. Siswa-siswi baharu begitu berkobar-kobar menunjukkan bakat yang dimiliki dan begitu teruja kerana dapat hadir ke Kampus Induk buat kali pertama," tambahnya.

Desasiswa Fajar Harapan yang menerapkan tema kemanusiaan telah memikat hati juri dan dinobatkan sebagai persembahan terbaik keseluruhan dan memenangi anugerah ini buat dua tahun berturut-turut.

Kedegilan segelintir siswa-siswi uji kesabaran pengurusan desasiswa

Kemudahan parkir basikal di blok MO6 Desasiswa Tekun, Universiti Sains Malaysia (USM) masih disalahgunakan oleh siswa-siswi yang meletakkan motosikal di situ.

Isu ini pernah mendapat liputan *Berita Kampus* pada edisi 3 Mac 2014 yang lalu. Namun siswa-siswi masih lagi berdegil meletakkan motosikal di parkir basikal sedangkan kemudahan parkir motosikal juga disediakan dalam desasiswa tersebut.

Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Nazaruddin Zainun, menyuarakan rasa kecewa terhadap sikap segelintir siswa-siswi yang tidak menghormati hak orang lain. Beliau beranggapan bahawa siswa-siswi universiti ini cukup bijak dalam menilai dan memahami simbol papan tanda parkir basikal yang telah dikeluarkan.

"Isu ini tidak sepatutnya wujud kerana pihak desasiswa telah menyediakan kedua-dua kemudahan parkir motosikal dan juga basikal. Mereka perlu menghormati pengguna basikal agar dapat memaksimumkan penggunaan parkir tersebut", katanya.

Tambah beliau, sekiranya isu ini tidak dapat menemui jalan penyelesaian, pengurusan desasiswa dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar USM (MPPUSM) akan mengambil tindakan terhadap siswa-siswi yang masih degil ini.

Sebarang tindakan akan dibincangkan dengan MPPUSM yang bakal dilantik pada masa akan datang.



MOTORSIKAL segelintir siswa-siswi yang degil masih diparkir di parkir basikal meskipun parkir motorsikal disediakan oleh pengurusan desasiswa.

PIMPIN siswa kuatkan jati diri

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Pelaksanaan Program PIMPIN Siswa berlandaskan konsep 'Memastikan Kelestarian Hari Esok' berasaskan lapan teras utama pembangunan model pelajar iaitu melahirkan perasaan cinta akan universiti, cinta akan negara, bersifat patriotis dan menghormati negara, mempunyai jati diri, mempunyai daya ketahanan diri, menyemaikan sikap kelestarian, meningkatkan kemahiran insaniah, menyemaikan sifat kerohanian serta meningkatkan keupayaan intelektual.

Menurut Penolong Pengarah Pembangunan Sahsiah dan Latihan, Mohd. Jaya Mohd Johan, seramai 3,951 siswa-siswi yang telah berdaftar untuk mengikuti Program PIMPIN .

"Jumlah ini akan meningkat dari hari ke hari kerana kelewatan siswa-siswi melaporkan diri dan pengambilan siswa-siswi rayuan", tambah beliau.

Kem Komanden PIMPIN Siswa Warisan Ayahanda, Prof. Madya Dr Rahimah A. Hamid berkata peserta akan menjalani beberapa aktiviti yang mampu meningkatkan keunggulan kepimpinan dan kerja berpasukan, belajar melalui pengalaman, mengukuhkan hubungan antara kaum dan memahami konsep kelestarian.

Program ini berdasarkan modul yang telah dirancang dengan tujuan untuk mendidik siswa-siswi agar menjadi lebih berani, kuat fizikal dan mental, serta lebih berdaya saing.

Menurut Kem Komanden PIMPIN Siswa Palas, Dr Ahmad Tajuddin Othman, modul yang dilaksanakan setiap kem adalah sama tetapi cara pengendaliannya mungkin agak berbeza mengikut ciri-ciri geografi kem tersebut. Namun begitu, pengisiannya adalah sama.

"Semangat kelestarian dapat dipupukkan dalam diri siswa-siswi dari aspek menghargai alam sekitar dan menanamkan perasaan bersyukur di mana peserta akan diberikan pendedahan dan kesedaran mengenai kehidupan lain. Ini bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan siswa-siswi mengenai pentingnya menjaga alam sekitar dan menghayati keindahan alam", katanya.

Program PIMPIN Siswa menjadikan siswa-siswi lebih berketerampilan dan mengasah atau membina daya kepimpinan mereka. Melalui kem ini, peserta yang berkebolehan akan diserap ke dalam senarai pelajar yang berpotensi supaya mereka dapat mewakili desa atau mana-mana persatuan. Pimpin Siswa adalah satu platform untuk siswa-siwi menonjolkan bakat dan kebolehan mereka disamping dapat meningkatkan jati diri mereka.

Siswa-siswi haruslah mengaplikasikan hasil pembelajaran yang diperolehi semasa menjalani program PIMPIN Siswa dan menerapkan konsep yang dipelajari agar tidak wujud jurang antara setiap bangsa disamping USM dapat melahirkan siswa-sisiwi yang berkualiti tinggi, berdaya saing dan jati diri yang kuat



KERJASAMA... Setiap ahli platun bekerjasama dalam melaksanakan kegiatan yang disediakan.

Pinjaman PTPTN masuk hujung Oktober

Siswa-siswi tahun pertama sidang 2014/2015 boleh menarik nafas lega apabila pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) semester ini dijangka diterima mulai 31 Oktober.

Permohonan PTPTN fasa pertama ditutup pada 31 Ogos lalu. Status permohonan siswa-siswi akan diketahui selepas tujuh hari bekerja.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Universiti Sains Malaysia (BHEPP USM), Moganeswary Muthusamy, sebanyak 4,368 permohonan telah dibuat pada kelompok pertama dan mencatat kenaikan berbanding tahun lalu.

"Siswa-siswi haruslah peka dengan tarikh-tarikh penting dan sentiasa mengambil tahu informasi supaya tidak terjadi masalah terutamanya pada hari kutipan dokumen PTPTN", katanya ketika ditemubual.

PTPTN akan mengutip dokumen pada 27 hingga 29 September di Kompleks Cahaya Siswa USM pada pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Bagi kelompok kedua, permohonan akan diterima dari 1 hingga 31 September ini.

Readers USM penting untuk golongan PKU

Penubuhan Persatuan Sukarelawan Pembaca (Readers) oleh Exco Kebajikan dan Kesejahteraan Siswa, Majlis Perwakilan Pelajar (MPPUSM) 13/14 adalah bagi membantu golongan PKU (Pelajar Kelainan Upaya) terutama mereka yang mengalami masalah penglihatan.

Pada semester lalu, persatuan ini bergiat aktif dengan ahli membantu golongan PKU untuk membaca dan merujuk nota kuliah mereka. Namun bermulanya semester baru ini kegiatannya agak suram berbanding semester lalu.

Mantan MPP Sains Kemasyarakatan, Hazwanuddin Hanifuddin 23, yang merupakan pengerusi persatuan ini mengatakan bahawa pihaknya akan cuba untuk menggiatkan lagi program berkaitan dengan persatuan ini selain daripada matlamat asasnya iaitu merekrut siswa-siswi secara sukarelawan agar bersikap cakna dan prihatin terhadap golongan bermasalah penglihatan di dalam USM.

Bagi membolehkan persatuan ini terus bergiat aktif, kegiatan sampingan seperti program bersuai kenal antara ahli persatuan tersebut dan perjumpaan berkala antara ahli boleh dilaksanakan. Menurut Mohamad Zaid Harith, 24 yang merupakan PKU senior di USM, penubuhan awal persatuan ini banyak membantunya ketika melaksanakan tugasan kuliah dengan bantuan Readers USM.

Struktur organisasi Readers ini boleh diperbaiki bagi mencapai objektif penubuhannya. Pemberian mata MYCSD kepada pelajar yang terlibat dalam membantu juga akan disegerakan. Matlamat lain persatuan ini juga adalah supaya siswa-siswi peka dengan kehadiran PKU di dalam kampus, selaras dengan tema utama persatuan ini iaitu Kami cakna, kami prihatin PKU.

Kursus kokurikulum pimpin pembangunan kemahiran insaniah

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) gemar mempelajari kursus kokurikulum yang terdiri daripada pelbagai kegiatan kebudayaan, sukan, khidmat masyarakat, keusahawanan dan kesukarelawanan yang berupaya meningkatkan keterampilan diri dan modal insan secara holistik.

Menurut Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum, Profesor Madya Dr Ahmad Tajuddin Othman, kursus kokurikulum menjadi pilihan utama siswa-siswi kerana berorentasikan aktiviti dan juga amali.

Tambah beliau, siswa-siswi seharusnya melibatkan diri dalam kursus-kursus teras kesukarelawanan kerana diberi ruang untuk membentuk sahsiah diri, memantapkan pembangunan, kemahiran insaniah, dan seterusnya menanamkan teras kepimpinan dalam diri mereka.

"Penglibatan diri dalam teras kesukarelawanan juga membantu siswa-siswi untuk memenuhi syarat pengijazahan kursus universiti dengan mudah kerana setiap pasukan berpakaian seragam bersenjata mahupun tidak bersenjata merangkumi empat hingga enam unit dan ditawarkan dalam bentuk kursus berpakej."

Tambah beliau, kursus teras kesukarelawanan mendapat sambutan yang memberangsangkan dalam kalangan siswa-siswi tahun pertama ketika Program Siswa Lestari. Namun begitu, hanya sebahagian daripada mereka sahaja yang mengikuti kursus yang berteraskan kesukarelawanan kerana memperoleh panduan yang tidak relevan daripada sumber-sumber yang tidak berkenaan. Jadual perancangan pengijazahan program yang padat juga menjadi salah satu faktor yang menghalang siswa-siswi mengikuti kursus teras kesukarelawanan.

Beliau berkata, siswa-siswi seharusnya diberi ruang dan peluang untuk melibatkan diri dalam kegiatan kesukarelawanan berdasarkan kepada minat dan keupayaan masing-masing.

Jelasnya lagi, permohonan siswa-siswi bagi mengikuti rancangan kokurikulum tidak tertakluk kepada konsep "first come, first serve" sebaliknya dipilih secara rawak oleh pengerusi rancangan supaya dapat mengekalkan perpaduan kaum dalam setiap kursus yang ditawarkan.

Tambahnya, kursus teras kesukarelawanan seperti Palapes Tentera Darat, Palapes Tentera Laut, Kor Sukarelawanan Polis (Suksis), Kelanasiswa, Pasukan St. John Ambulans dan juga Pasukan Bulan Sabit Merah masih terbuka kepada siswa-siswi yang berminat sehingga minggu ke-6 dan boleh membuat permohonan di Pusat Rancangan Kokurikulum.

Seminar anjuran PPKSP peneraju bakal usahawan muda

Seramai 3,000 siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) telah menghadiri Seminar Pembudayaan Keusahawanan Pelajar Baharu anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP), Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), USM pada 19 September yang lalu.

Menurut Yang DiPertua Kelab Usahawan USM, Muhammad Hafiz, seminar ini ialah langkah pertama untuk mendedahkan siswa-siswi mengenai PPKSP yang dapat menjurus kepada kegiatan keusahawanan dalam kampus.

Objektif utama seminar ini adalah untuk melahirkan usahawan muda dalam kalangan siswa-siswi seterusnya membuka minda mereka dalam bidang keusahawanan bukan sahaja dalam kampus malah melaksanakan nilai-nilai keusahawanan dari luar juga.

"Seminar ini juga mampu mewujudkan interaksi seterusnya menjalinkan perpaduan yang kukuh antara siswa-siswi yang berbilang bangsa menerusi suatu sistem ekonomi," tambahnya lagi.

Exco Jabatan Keusahawanan Korporat PPKSP, Hazwanuddin berkata terdapat pelbagai peluang perniagaan yang telah disediakan kepada siswa-siswi yang bercita-cita untuk menjadi usahawan muda termasuklah premis perniagaan, kiosk di desasiswa, serta pinjaman kewangan untuk menjalankan perniagaan mereka di dalam kampus.

Menurut Hadzrin Sofiah, Sains Kajihayat 1, seminar ini sangat bermanfaat kerana siswa-siswi mampu memperoleh ilmu keusahawanan secara terperinci dan mendalam khususnya mengenai peluang-peluang keemasan dalam bidang keusahawanan yang sedia ada di USM.

"Saya akan berkongsi ilmu keusahawanan yang diperoleh pada hari ini dengan rakan-rakan yang lain untuk kebaikan bersama," jelasnya lagi.

Peralatan gimnasium rosak

Gimnasium ialah salah satu tempat yang akan dituju untuk bersenam. Berdasarkan tujuh teras USM iaitu Masa hadapan, Keunikan (Kelainan), Kelestarian, Kemanusiaan, Kesejagatan, Perubahan dan Pengorbanan, USM telah menyediakan perkhidmatan gimnasium di dalam kampus untuk mengalakkan amalan gaya hidup yang sihat dalam kalangan warga USM.

Dengan pelbagai kemudahan yang disediakan dalam gimnasium dan yuran kemasukan percuma, siswa-siswi serta staff USM dapat menggunakan dan memanfaatkan kemudahan yang disediakan. Namun begitu, sejak kebelakangan ini terdapat beberapa aduan mengenai kekurangan dan kerosakan peralatan.

Menurut Muhd. Taufiq, Ilmu Pendidikan 2, kemudahan di gimnasium adalah lengkap tetapi terdapat beberapa kekurangan dari aspek peralatan seperti kekurangan dumbbell dan Weider yang rosak sejak dari awal semester lagi.

Menurut salah seorang staff USM, terdapat pengguna yang menyalahguna peralatan dan tidak menghargai kemudahan yang disediakan di gimnasium. Ketiadaan jurulatih untuk memantau latihan menyebabkan terdapat segelintir siswa-siswi menyalahgunakan peralatan.

"Sejak kali pertama saya memasuki gimnasium pada tahun 2011, saya tidak nampak penambahan atau penukaran peralatan yang dilakukan. Saya amat berharap USM dapat mempertimbangkan untuk menambah dan mempelbagaikan peralatan di gimnasium ini", tambahnya.

Bersenam amat penting untuk memastikan kecerdasan minda dan kecergasan tubuh badan. Oleh itu, USM disarankan untuk mengatasi masalah ini dengan segera agar pembentukkan siswa-siswi yang seimbang, cergas dan sihat dapat dicapai.

Bakti Permai tiada mesin air

Setiap desasiswa di Universiti Sains Malaysia dibekalkan dengan kemudahan mesin air. Namun, ia tidak berlaku di Desasiswa Bakti Permai apabila kemudahan itu tiada untuk semester ini. Hal ini telah menimbulkan banyak persoalan kepada penghuninya.

Salah seorang penghuni Desasiswa Bakti Permai berkata dia tidak puas hati kerana penghuni desasiswa lain mendapat bekalan air secara percuma. Hal ini tidak berlaku di Desasiswa Bakti Permai, malahan mereka perlu membayar untuk mendapatkan air minuman. Kini, mesin airnya pula tiada. Siswa tersebut berharap masalah ini diselesaikan secepat mungkin supaya tidak menyusahkan penghuni yang lain.

Penggawa Desasiswa Bakti Permai, Tuan Haji Ahmad Moghni Salbani berkata situasi ini berlaku kerana kontraktor sebelum ini sudah tamat kontrak. Temuduga antara pihak pengurusan dengan calon kontraktor yang baru juga telah dijalankan dan mesin air akan mula beroperasi dalam masa terdekat. Menurut beliau lagi, pihak pengurusan juga telah menambah bilangan mesin air di atas permintaan penghuni desasiswa.

Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Desasiswa (MPD) Bakti Permai sidang 2013/2014, Mohamad Hashim Nor Salihin berkata mereka telah mengadakan mesyuarat dengan pihak pengurusan desasiswa untuk mencari jalan penyelesaian. Pihak MPD berharap penghuni Desasiswa Bakti Permai bersabar atas kelewatan penyelesaian masalah ini.

Pemohonan pelekat kenderaan

Pemohonan pelekat kenderaan bagi siswa-siswi dalam Unversiti Sains Malaysia (USM) telah bermula sejak 8 September 2014 pada semester ini.

Menurut panduan pemohonan pelekat kenderaan di Jabatan Keselamatan (JK) USM, langkah pertama adalah menghantar surat rayuan kepada pengarah Jabatan Keselamatan, USM Pulau Pinang dari 8 hingga 26 September 2014.

JK telah menyediakan contoh surat rayuan dalam dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris pada papan kenyataan JK USM. Siswa-siswi USM boleh meletakkan surat rayuan dalam kotak yang disediakan di JK USM.

Langkah kedua adalah melalui penilaian oleh ahli panel yang dipengerusikan Timbalan Pengarah JK dari 29 September 2014 hingga 3 Oktober 2014.

Menurut Ketua Perkhidmatan Pelanggan, JK, En. Ridzuan Abdullah, siswa-siswi tahun 1 tidak layak memohon pelekat kenderaan kecuali masalah kesihatan.

Selain itu, bagi pemohonan yang melalui persatuan, sebanyak 10 individu yang mempunyai jawatan akan diberikan pelekat kenderaan setelah menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

Langkah ketiga adalah keputusan oleh panel penilaian akan dipamerkan di papan kenyataan foyer JK pada 8 Oktober 2014. Untuk pemohon yang layak dan menginap di Desasiswa RST, pelekat kenderaan khas akan diberikan secara automatik dan dikenakan bayaran RM1.00.

Langkah akhir adalah pemohon yang layak perlu membawa salinan kad pendaftaran kenderaan, insurans kenderaan, lesen memandu dan kad matrik yang terkini.

Pemohon perlu mengisi borang yang diberikan oleh JK untuk mendapatkan pelekat kenderaan. Jumlah bayaran bagi setiap pelekat kenderaan adalah RM1.00.

Kebersihan kafe IK dipandang remeh

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA**

Kurangnya kesedaran di kalangan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) yang meninggalkan pinggan bersisa makanan di kafeteria Indah Kembara mengundang kehadiran kucing-kucing liar sehingga menganggu mereka yang menjamu selera.

Menurut Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Mohd Zain Dollah, masalah sebegini melibatkan rendahnya tahap kepekaan siswa-siswi itu sendiri. Kehadiran kucing-kucing tersebut disebabkan layanan yang terlalu baik sehingga sanggup memberikan sisa makanan menggunakan pinggan yang telah digunakan.

"Siswa-siswi diharap melaporkan segala masalah kepada pihak pengurusan supaya dapat diambil tindakan segera. Masalah wujud apabila siswa-siswi mendiamkan diri apabila melibatkan kepentingan ramai tetapi apabila melibatkan kepentingan sendiri tindakan cepat diambil," jelas beliau.

Tengku Nasuha Tengku Jalal, Sains Fizik 3 berkata kehadiran kucing-kucing liar di sekitar kafeteria berpunca daripada sikap malas siswa-siswi. Sekiranya siswa-siswi mempunyai sifat tanggungjawab maka masalah tersebut tidak akan berlaku.

"Sebagai siswa-siswi, mereka seharusnya boleh berfikir secara matang. Tidak salah memberikan sisa-sisa makanan kepada kucing-kucing tersebut namun biarlah secara berhemah bagi mengelakkan masalah lain berlaku" ujarnya.

"Cadangan terbaik bagi mengatasi masalah ini ialah penggubalan semula polisi apabila siswa-siswi mahupun staf yang ingin menjamu selera dikehendaki membawa bekas makanan sendiri. Pihak kafeteria tidak lagi perlu menyediakan pinggan dan pastinya sifat tanggungjawab itu akan lebih menyerlah," tambahnya lagi.

> "Tidak salah memberikan sisa-sisa makanan kepada kucing-kucing tersebut namun biarlah secara berhemah bagi mengelakkan masalah lain berlaku."



KUCING dilihat sedang menikmati sisa makanan di atas pinggan-pinggan yang ditinggalkan siswa-siswi selepas menjamu selera di kafe Indah Kembara.

Rozeliana Harun, Sains Farmasi 2 berpendapat bahawa sisa-sisa makanan seharusnya dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan. Sebaliknya siswa-siswi tidak mengambil tindakan yang sewajarnya.

"Siswa-siswi sendiri yang seharusnya dipersalahkan. Peringatan sudah terpampang dengan jelas akan tanggungjawab siswa-siswi namun masih wujud golongan yang tidak mengambil peduli," jelasnya.

Goh Shu Yin, Sains Farmasi 2, memberi cadangan supaya Majlis Penghuni Desasiswa Indah Kembara (MPDIK) dapat menganjurkan program khas kepada penghuni untuk menyuntik kesedaran.

Yayasan Sukarelawan Siswa pupuk semangat kesukarelawanan

Yayasan Sukarelawan Siswa, Universiti Sains Malaysia (USM), di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Misi Sukarelawan Siswa ke beberapa buah negara luar selain dalam Malaysia. Antara destinasi YSS ialah ke Kampung Labang, Bintulu, Sarawak pada 15 sehingga 31 Ogos 2014.

Siti Zurianah Ismail, Pengurusan 3, wakil sukarelawan dari USM berkata, Misi YSS telah disertai oleh 15 orang wakil dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia.

Sepanjang dua minggu di sana, para sukarelawan telah membantu penduduk penduduk Kampung Labang membina pintu gerbang masjid, menampal jalan berlubang serta mengadakan kelas tambahan untuk pelajar-pelajar di Sekolah Rendah Labang. Menariknya, Siti berkata kepada Berita Kampus bahawa mereka juga menjalankan perkhidmatan menggunting rambut penduduk di sana secara percuma.

WAKIL YSS dari USM, Siti Zurianah sedang menggunting rambut seorang penduduk di Kampung Labang, Bintulu, Sarawak.



Tambah beliau lagi, perkara yang paling memberi kesan terhadap dirinya sepanjang berada di sana ialah tumpuan dan semangat yang diberikan oleh para pelajar dan guru semasa aktiviti melukis mural dan mengadakan kelas tambahan di Sekolah Rendah Labang. Selain itu, masyarakat di kawasan tersebut turut melahirkan rasa terharu mereka apabila para sukarelawan menjalankan kerja mereka tanpa sebarang upah.

"Pengajaran yang saya dapati daripada pembabitan dalam misi ini ialah keinginan untuk membantu golongan yang memerlukan semakin meningkat serta menyedarkan saya bahawa tiada perkara yang mudah dalam dunia ini," katanya kepada *Berita Kampus*.

Siti menambah lagi bahawa pasukan mereka telah membentangkan kertas kerja untuk projek susulan bagi penduduk Kampung Labang di Akademi Pengajian Tinggi (AKEPT) di Kuala Lumpur dan telah diluluskan oleh ahli lembaga tertinggi YSS untuk melakukan lawatan semula ke kampung tersebut dalam tempoh dua tahun.

Siswa-siswi wajar fahami konsep sukarelawan

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM), digalakkan memahami konsep sukarelawan yang sebenar dalam menjalankan kegiatan khidmat masyarakat bagi membentuk siswa-siswi yang berkualiti.

Menurut Prof Madya Dr Ahmad Tajuddin Othman, Pengarah, Pusat Rancangan Kokurikulum, konsep ini harus difahami oleh setiap siswa-siswi kerana ini dapat memberi kesan yang positif setelah mereka selesai melakukan projek-projek khidmat komuniti yang telah dijalankan.

Beliau berkata, unit beruniform atau persatuan yang berada di bawah pengurusan Pusat Rancangan Kokurikulum boleh mendapatkan peruntukan tambahan tajaan daripada IM4U melalui kertas kerja yang dikemukakan bagi membantu dalam mengurangkan kos pengurusan dan tambahan wang khidmat bakti kepada masyarakat.

Beliau mengulas, setiap kertas kerja yang dihantar perlulah seragam dengan format kertas kerja setaraf IM4U agar mudah untuk mendapatkan tajaan daripada mereka.

Menurut beliau, ramai di kalangan siswa-siswi yang melaksanakan projek-projek komuniti tidak melaksanakan dengan konsep sukarela yang sebenar tetapi lebih kepada konsep suka diri.

Menurutnya lagi, projek-projek yang ingin dilaksanakan haruslah menepati kriteria-kriteria seperti kos yang rendah, kecepatan dalam perlaksanaan, projek yang memberi impak kepada siswa-siswa dan lestari.

Pembahagian peruntukan perlaksanaan projek yang dicadangkan oleh beliau adalah 30 peratus untuk pengurusan projek dan 70 peratus adalah untuk komuniti.

Beliau berkata, setiap projek yang dilaksanakan harus lebih mengutamakan kepada masyarakat berbanding kos pengurusan.

NRIC mampu ubah masa depan negara

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPPUSM) dengan penaja bersama Motorola Solution dan British Invention Show, telah memperkenalkan Novel Research Innovation Competition (NRIC) 2014, bagi memupuk modal insan yang mampu dan tenaga kerja untuk pembangunan masa depan negara.

Program yang bermula 19 hingga 22 Ogos lalu, berjaya mencapai objektif program sebagai platform orang ramai untuk berinteraksi dan berkongsi pengetahuan melalui bakat dan kreativiti mereka dalam penyelidikan dan pembangunan.

Majlis pembukaan yang dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Prof. Dato' Dr Omar Osman, telah memberi peluang kepada 111 pasukan untuk bertanding dalam tujuh kategori projek iaitu Fundamental Science, Health and Medical Science, Life Science, Engineering and Technology, Information Technology and Communication, Social Transformation and Creative Arts, dan Community Research and Innovation Competition (CoRIC).

Menurut Timbalan Pengerusi NRIC, Nur Syafatin Shafie, NRIC 2014 kali ini telah memberi kelainan dengan membuka kategori baru iaitu Inovasi Orang Kelainan Upaya (I-OK). Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Prof. Dato' Dr See Ching Mey menyampaikan Anugerah juri Khas kepada peserta dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohd Nazri Mohd Salleh, Nor Faidatul Asma Ramley, dan Nur Aqilah Ishak dengan produknya iaitu tongkat khas yang dapat memudahkan pergerakan OKU.

> "Berjaya mencapai objektif program sebagai platform orang ramai untuk berinteraksi dan berkongsi pengetahuan melalui bakat dan kreativiti mereka dalam penyelidikan dan pembangunan."



TIMBALAN Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Universiti Sains Malaysia, Prof. Dato' Dr See Ching Mey (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Juri Khas kepada Mohd Nazri Mohd Salleh (dua dari kiri).

Bagaimanapun, tiga siswa dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia USM, Leslie Ewe Fang Jun, Muhammad Zamani Zakaria, dan Vjayan Thrumakunasagaran juga berjaya meraih anugerah Produk Inovasi Terbaik dengan produk yang mampu merawat air secara semulajadi iaitu *Natural Biodegradable And Non-Toxic Coagulant From G. Hylocereus Follage.*

Penutupan NRIC 2014 telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr See Ching Mey turut hadir ialah Naib Canselor Universiti Nasional (UNITEN), Dato' Seri Prof. Mashkuri Yaacob dan wakil Naib Canselor Universiti Pendidikan Sutan Idris (UPSI), Prof. Dato' Dr Noraini Idris.

Tidak dapat daftar kursus HTV201

Oleh **SITI FASRIANA BINTI SHAARI**

Universiti Sains Malaysia (USM) adalah universiti yang menggunakan sistem pusat pengajian. Sistem ini memberi akses kepada siswa-siswinya untuk mengambil kursus di luar pusat pengajian mereka.

Pengarah Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Dr Nazarudin Zainun berkata tidak menjadi satu masalah sekiranya siswa-siswi ingin mengambil kursus di luar pusat pengajian kerana USM menggunakan sistem pusat pengajian.

Namun, menurut Nor Ain Abdul Salim, Komunikasi 3, dia tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus HTV201 Teknik Berfikir dan perlu menggugurkan kursus tersebut. Hal ini mengundang rasa tidak puas hati padanya kerana sebelum ini terdapat rakannya yang telah mendaftar kursus ini.

Penyelaras kursus HTV201 Teknik Berfikir, Dr Nazarudin berkata pusat pengajian tidak menawarkan kursus tersebut di atas dua sebab iaitu mereka merasakan kursus ini tidak diperlukan dan tiada tenaga pengajar.

Menurutnya lagi, siswa-siswi dari pusat pengajian yang tidak mempunyai tenaga pengajar tetapi ingin mendaftar kursus ini mereka perlu memilih sama ada menggugurkan kursus ini atau mendapatkan khidmat pensyarah lain sebagai tutor.

Namun, menurut Dr Nazarudin siswa-siswi perlu memastikan bahawa khidmat tutor yang dipohon adalah relevan dengan bidang pengajian masing-masing dan pendirian yang diambil oleh pusat pengajian juga perlu diambil kira.

> "Tidak menjadi satu masalah sekiranya siswa-siswi ingin mengambil kursus di luar pusat pengajian kerana USM menggunakan sistem pusat pengajian"

Perniagaan sampingan bantu jana kewangan siswa-siswi

Siswa- siswi Universiti Sains Malaysia (USM) kini mampu menjana pendapatan mereka melalui perniagaan atas talian yang diusahakan mereka sendiri.

Asnita Rahman, Sains Kemasyarakatan 3, berkata walaupun masih belajar sepenuh masa di USM ini tidak menghalang beliau untuk menjalankan pernigaan produk kecantikan dan pakaian secara atas talian.

"Saya memiliki blog sendiri dan ia memudahkan kerana saya hanya perlu meuar-uarkan perniagaan kepada pembaca blog saya dan peluang tersebut digunakan denagn sebaik mungkin oleh saya untuk mengecapi kejayaan", jelas Asnita.

"Keistemewaan perniagaan saya, saya sendiri yang menguruskan hal pentadbiran dan kewangan. Produk-produk juga diimport terus dari kilang di China, dengan itu saya mampu meraih pendapatan kira-kira RM3,000 sebulan", tambahnya lagi.

Menurutnya, beliau berharap agar hal ini mampu menjadi pendorong kepada rakan-rakan yang lain untuk memulakan perniagaan sendiri. Tambahnya lagi, sebagai pelajar kita dapat meminimumkan penggunaan wang walaupun beliau sendiri mendapat tajaan biasiswa JPA.

Bagi Ariff Murshidi bin Juhari, Sains Kemasyarakatan 3, berkata beliau hanya mengiklankan pernigaan sewa kereta melalui rangkaian Facebook sahaja. Namun, apa yang mengejutkan beliau sambutan daripada siswa-sisiwi USM yang sangat menggalakkan.

"Perniagaan yang dijalankan oleh saya hanya dalam kalangan siswa-siswi USM sahaja dan mendapat sambutan kerana harga yang ditawarkan oleh saya lebih murah berbanding di luar USM", katanya.

Berbeza dengan Asnita, Ariff memulakan pernigaan beliau pada tahun pertama untuk menampung kos sara hidup dan kos pembelajaran beliau ekoran tidak mengambil wang pinjaman PTPTN.

> "Saya memiliki blog sendiri dan ia memudahkan kerana saya hanya perlu meuar-uarkan perniagaan kepada pembaca blog saya dan peluang tersebut digunakan denagn sebaik mungkin oleh saya untuk mengecapi kejayaan"

Berita Kampus seterusnya akan diterbitkan pada Isnin, 13 Oktober 2014. Surat pembaca boleh dihantar ke [bkusm11@yahoo.com].

Siswa-siswi harus pentingkan perpaduan dan pendidikan

Isu perpaduan dan pendidikan ialah isu yang dititikberatkan dalam forum wacana ilmu yang membicarakan mengenai pengisian kemerdekaan oleh mahasiswa telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Dewan Pembangunan Siswa 1, Kompleks Cahaya Siswa pada 15 September yang lalu.

Forum tersebut terdiri daripada 3 ahli panel yang diwakili oleh Pertubuhan Pemikir Muslim Pulau Pinang, Fahizal Wahab, Aktivis Anak Muda, Teow Jit Meng, dan wakil Penggerak Komuniti India Pulau Pinang, Andrew Rajah. Forum ini juga dikendalikan oleh seorang moderator, bekas aktivis siswa, Mohd Noor Suhaili bin Jamali, yang telah mengemukakan persoalan mengenai entiti dan perkembangan dalam mencapai kemerdekaan dalam tempoh 50 tahun.

"Di luar sana terdapat pelbagai cara politik digunakan untuk mempermainkan kita. Pentingkan perpaduan seperti yang diutamakan oleh tokoh-tokoh kemerdekaan kita", kata Andrew Rajah mengenai isu perpaduan. Beliau mengingatkan lagi negara kita mendapat kemerdekaan kerana semua orang bersatu.

"Kestabilan dalaman sesebuah negara amat penting kerana kestabilan ini akan mempunyai impak kepada sektor ekonomi negara kerana kestabilan dalaman akan menarik banyak pelaburan asing. Daripada segi mata wang, apabila ada kestabilan, pertumbuhan ekonomi, dan apabila ekonomi berkembang balik, kestabilan kewangan dan perpaduan akan memulihkan ekonomi negara dengan lebih cepat lagi," ulas Teow Jit Meng.

Berkenaan dengan isu cabaran graduan universiti yang menganggur, Andrew juga menyarankan agar siswa-siswi untuk mendaftar dalam agensi pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian di universiti. Teow pula menitikberatkan kepentingan siswa-siswi untuk menambahkan nilai diri dengan mempelajari pelbagai kemahiran seperti mempelajari bahasa asing agar majikan tertarik untuk mengambil mereka bekerja.

Menurut Pengarah Projek, Exco Kebajikan MPP Zhameir Shafiq, forum ini diadakan untuk membicarakan pengisian kemerdekaan yang boleh dilaksanakan oleh siswa-siswi dalam mewujudkan semangat patriotisme. Tambah Zhameir lagi, sebagai siswa-siswi yang menjadi pembela serta harapan nusa dan bangsa, seharusnya kita menjadi komponen yang penting dalam agenda pengisian kemerdekaan.

"Melalui pengisian yang sesuai, kita dapat menyemai semangat patriotik yang berterusan dan erti kemerdekaan itu dapat dirasai dengan makna yang lebih mendalam," katanya dalam ucapan pada forum tersebut.

Forum ini merupakan siri wacana ilmu yang ke-12 yang dianjurkan oleh MPP dan telah disertai lebih daripada 600 orang siswa-siswi.

> Kestabilan dalaman akan menarik banyak pelaburan asing.

Kemerdekaan disambut meriah siswa-siswi baharu

Sempena ulangtahun kemerdekaan Malaysia ke-57, siswa-siswi sempat menyambut hari bersejarah ini bersama Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Omar Osman sekalung dengan pihak pengurusan universiti yang lain dalam Majlis Sambutan Siswa Pelajar Baharu sidang akademik 2014/2015.

Majlis tersebut diraikan dengan menyanyikan lagu tema kemerdekaan ke-57, *Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta.* Jalur Gemilang berkibar gagah dalam tangan siswa-siswi apabila lagu tersebut dinyanyikan.

Seramai 2,919 orang sisiwa-siswi baru juga berjaya mempersembahkan tarian lagu tersebut dengan sempurna walaupun mereka hanya berlatih dalam masa tidak sampai tiga hari.

Dalam ucapan Profesor Dato' Dr. Omar Osman, beliau berharap siswa-siswi supaya mereka dapat memberi khidmat bakti, tidak membataskan pemikiran dalam kelompok sendiri serta membangunkan masa hadapan melalui pelbagai jaringan, kebolehan dan keperluan.

"Seperti kita ungkapkan *Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta*, perasaan cinta ini mestilah berada dalam satu keterangkuman dan kebersamaan nilai hidup yang perlu kita pegang dan hayati bersama-sama."

Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Mohamad Shafiq Kamaruddin juga menyeru kepada siswa baru bahawa semangat cinta negara haruslah disemai dalam diri. Perasaan cinta ini bukan hanya kepada kemerdekaan negara, tetapi juga keamanan sejagat.



SISWA-SISWI baharu bersemangat menyambut Hari Kemerdekaaan.

Siswi kekal dominasi menara gading



SISWI kekal mendominasi dalam IPTA berbanding siswa.

Oleh **NG XIANG YI**

Bilangan siswi kekal mendominasi dalam Universiti Sains Malaysia (USM) dalam statistik kemasukan siswa baru sidang akademik 2014/2015. Seperti tahun-tahun lalu, nisbah siswi kepada siswa adalah sekitar 70:30.

Dalam ucapan Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman sempena Majlis Sambutan Siswa Baharu, beliau telah memberi kepujian yang tinggi bahawa siswi sentiasa cemerlang dan USM sentiasa mengiktiraf kecemerlangan tanpa mengira jantina.

"Siswa harus bekerja keras untuk memacu kecemerlangan agar berupaya menjadi pemimpin dalam semua aspek seiring dengan kemampuan siswi yang telah menunjukkan kehebatan mereka selama ini", katanya.

"Malah, jumlah siswi dalam kalangan pegawai utama USM juga telah bertambah, apatah lagi dalam kalangan pensyarah dan warga USM lainnya", tambah beliau.

Menurut statistik pengambilan rasmi, jumlah keseluruhan siswa-siswi baru seramai 4,083 orang. Bilangan siswi adalah lebih kurang seramai 2,858 orang dan siswa seramai 1,225 orang. Perbezaan nisbah yang ketara ini telah kekal lebih dari 5 tahun berturut-turut dan jurang perbezaan nisbah yang kian meningkat.

Walau bagaimanapun, prestasi akademik USM kekal cemerlang malah berjaya tersenarai pada kedudukan ke-28 dalam QS World Ranking 2014 dalam bidang sains persekitaran. USM juga berada dalam kedudukan antara 200 terbaik mengikut ranking dunia dalam bidang-bidang kejuruteraan dan teknologi di antara 51-100.

Statistik bilangan siswa-siswi baharu Sidang Akademik 2014/2015

KAMPUS	BILANGAN
Induk, Pulau Pinang	2,919
Kejuruteraan, Nibong Tebal	519
Kesihatan, Kubang Kerian	473
Diploma Kejururawatan	70
Program Antarabangsa Doktor Perubatan USM-KLE	102
JUMLAH	**4,083**

> Siswa harus bekerja keras untuk memacu kecemerlangan agar berupaya menjadi pemimpin dalam semua aspek seiring dengan kemampuan siswi yang telah menunjukkan kehebatan mereka selama ini.

Platfom jalin kerjasama di peringkat antarabangsa

Oleh **NUR EMIRA SAIZALI**

Pameran Tuku Iho 'Living Legacy' yang berlangsung pada 8 Ogos hingga 15 September lalu telah diadakan di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama George Town Festival, New Zealand High Commission dan New Zealand Maori Arts And Crafts Institute.

Pameran yang bertujuan mempamerkan budaya dan kesenian kaum Maori ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman pada 11 Ogos yang lalu.

Antara yang hadir ialah Pengarah Festival George Town Festival (GTF), Joe Sidek, Pengarah New Zealand Maori Arts and Crafts Institute, Karl Johnstone, dan Pengarah MGTF, Zulkornian Hassan.

Menurut pegawai yang bertugas, Afzanizam Mohd Ali, pameran ini bukan sahaja mempamerkan barangan kesenian kaum Maori malah memberi pendedahan kepada orang ramai tentang budaya kaum tersebut.

"Pameran ini telah menjelajah ke beberapa buah negara dan telah memilih Malaysia sebagai salah sebuah negara untuk acara besar ini dan secara tidak langsung memberikan kita peluang untuk mengenali budaya dari New Zealand serta ia dapat menjadi landasan menjalin kerjasama yang baik antara USM dengan organisasi yang terlibat", ujarnya.

Tambahnya lagi, Malaysia juga perlu melakukan perkara yang sama dengan membawa budaya dan kesenian negara di peringkat antarabangsa agar mereka juga dapat mempelajari tentang keunikan budaya di Malaysia.

"Sememangnya baik untuk kita menerima dan mempelajari budaya negara lain, namun bukankah lebih baik sekiranya kita memberi dan mendedahkan orang luar tentang negara kita pula dan kita perlu mempunyai inisiatif sebegitu juga", jelasnya lagi.

Kaum Maori sangat mementingkan warisan mereka sehingga tertubuhnya institusi yang bertujuan untuk memelihara warisan dan mengasah bakat dalam membuat barangan kraf mereka yang dikenali sebagai New Zealand Maori Arts and Crafts Institute. Sejajar dengan maksud Tuku Iho iaitu sesuatu yang diperturunkan kepada generasi ke generasi untuk memastikan ia dapat terus kekal.

Acara ini merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dianjurkan sempena 'George Town Festival 2014'. Terdapat hampir 100 barangan yang dipamerkan dan antaranya barang perhiasan dan barang mempertahan diri seperti loket, senjata, tongkat, patung perhiasan dan hiasan dinding. Majoritinya diperbuat daripada kayu dan batu jed yang diukir halus sehingga terhasilnya bentuk-bentuk tertentu mengikut kepercayaan mereka.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang pameran ini berlangsung adalah persembahan cara pembuatan kraf dan pertunjukan penggunaan senjata kepada para pengunjung yang hadir.

Arkeologi kongsi kepakaran

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Kursus Asas Arkeologi IV (KUASA IV) bertajuk Interpretasi dalam Arkeologi selama seminggu bermula pada 21-27 September 2014 bertempat di PPAG.

Pengerusi Kursus Asas Arkeologi IV (KUASA IV), Mohd Jeffrey Abdullah berkata tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta secara langsung dan tidak langsung mengenai arkeologi.

"Arkeologi adalah satu perkara yang menarik jika mengkaji secara lebih mendalam kerana kita akan mengetahui perubahan zaman dengan membuat analisis terhadap artifak yang dijumpai", katanya kepada wartawan Berita Kampus.

Mohd Jeffrey berkata kajian arkeologi ini umpama penyiasat persendirian mencari bukti tinggalan manusia pada zaman dahulu. Secara tidak langsung kita akan lebih memahami sejarah mengenai peradaban manusia dengan mendalami ilmu arkeologi ini dan cintakan budaya lebih tinggi.

"Saya berharap peserta dapat ilmu yang bermanfaat dan boleh menyumbang serta perkembangkan lagi ilmu arkeologi kepada masyarakat", katanya lagi.

Seramai 16 orang peserta yang berdaftar. Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan semasa kursus tersebut antaranya ialah lawatan kerja Lenggong, lawatan galeri, kuliah kronologi dan budaya material.

Kursus Asas Arkeologi IV (KUASA IV) telah dirasmikan oleh Prof Dato' Dr Mokhtar Saidin.

> "Saya berharap peserta dapat ilmu yang bermanfaat dan boleh menyumbang serta perkembangkan lagi ilmu arkeologi kepada masyarakat"



PENGERUSI Kursus Asas Arkeologi IV (KUASA IV), Mohd Jeffrey Abdullah

Showcasing Thai culture to USM students

Amazing Thailand Grand Chaiyo Day organised by the Thai students from Universiti Sains Malaysia (USM) Buddies and Universiti Utara Malaysia (UUM) and Insaniah University College was held on the 19 September at Dewan Pembangunan Siswa 1 (DPS1), Kompleks Cahaya Siswa.

According to the project director, Irfan Yanya, the objective of this event is to promote their Thai tradition to both international and Malaysian students and symbolise the friendship between international and local students.

"Our main objective is to promote our Thai traditions to students by showing them what Thai performances are like. The purpose of this event is for all Thai students who studies abroad to show their identity as Thais so that it is known to the world", he added.

The event was attended by the Director of USM International Office (IO), Associate Professor Dr Anees Janee Ali, the Deputy Dean of Students Affairs and Networking of School of Languages, Literacies and Translation (SOLLAT), Encik Azril Ali and officiated by the Deputy Consul General of Thailand, Mr Chongcharoen Devahastinna Ayudhaya.

"I hope there will be more cooperation between USM and the Thai consulate on the basis of friendship and understanding", Mr Chongcharoen said.

Rizka Nadia, Management 2 said that she really enjoyed herself during the event.

"I got to know the Thai culture especially their martial arts, Muay Thai better", she added on.

Irfan said that he was surprised to see the hall filled with audience despite the heavy rain and there is another university event that is happening concurrently with Chaiyo Day. The director of IO, Associate Professor Dr Anees Janee Ali shares the same sentiments as Irfan.

"I was afraid that due to the rain none of you will show up but look at the people here", he said.



THAI students showcasing their skills in Muay Thai, a widely known Thai martial art during the Amazing Thailand Grand Chaiyo Day.

Ketahui prosedur sebelum sewa bas USM

Kelab dan persatuan dalam Universiti Sains Malaysia (USM) harus mengambil tahu prosedur sewaan bas dikelolai Jabatan Pembangunan (JP) USM.

Siswa-siswi haruslah melakukan tempahan secara on-line melalui sistem FLEET BETA yang didapati dalam laman sesawang JP USM.

Borang tempahan on-line yang siap diisi haruslah dicetak untuk rujukan di JP. Ia bertujuan untuk melihat tempahan yang dibuat dari kelab dan persatuan yang diiktiraf oleh USM.

Pembantu Tadbir N22 (KUP), JP, Rosli Bin Diah berkata kebanyakan siswa-siswi menganggap apabila tempahan bas yang telah dilakukan secara on-line, tempahan tersebut telah diluluskan oleh JP.

"Siswa-siswi haruslah sentiasa membuat tindakan lanjut (follow up) dengan pihak kami untuk mengetahui status permohonan mereka",katanya.

Menurutnya, siswa-siswi turut menghadapi kekeliruan apabila melihat status permohonan di mereka dalam sistem kerana ada yang terkeliru dengan warna ikon yang dipaparkan.

Permohonan yang awal akan dilayan terlebih namun JP berhak membatalkan tempahan sekiranya terdapat kegiatan yang diberi keutamaan seperti yang melibat kebajikan siswa-siswi. Permohonan dilakukan harus selewat-lewatnya tiga hari sebelum program bermula.

"Tempahan yang diterima sangat banyak dari persatuan pelajar dan staf kerana kadar dikenakan berpatutan dengan harga RM 0.50 untuk setiap 1 kilometer", tambahnya kepada Berita Kampus.

JP menyediakan 10 buah bas semuanya berusia 10 tahun ke atas untuk kemudahan persatuan pelajar dan staf USM. Di samping itu, mereka turut menyediakan perkhidmatan lain seperti tempahan perabot, gubahan hiasan bunga, van dan lori.

[KIRI] Seorang kanak-kanak tekun melakukan kerja dalam kelas. [KANAN] Kanak-kanak antarabangsa juga menjadi penuntut di sini.





Si cilik dalam menara ilmu

Di Universiti Sains Malaysia (USM) terdapat beberapa perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak di bawah jagaan Pusat Islam. Dalam Pusat Islam sahaja terdapat 3 bahagian di bawah unit pendidikan iaitu Pusat Asuhan Kanak-Kanak (Hadhanah), Tadika Al-Mawaddah dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) manakala di bawah Tadika Koperasi terdapat Koperasi Tadika Minden (KTM).

KTM ialah tadika koperasi yang pertama ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1975. KAFA pula merupakan yang tertua bawah Pusat Islam iaitu pada tahun 1983. Yang menariknya, selain dari kanak-kanak tempatan terdapat juga kanak-kanak antarabangsa yang turut sama belajar di sini.

Kali ini, wartawan *Berita Kampus* (BK), Rosamira Ahmad Razali, Lee Kam Fei, Nurhabibah Nordin, Mohd Fauzi Samsudin dan Mohamad Hafiz Adisman merungkai dengan lebih mendalam tentang kewujudan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak ini khususnya Tadika Al-Mawaddah dan KTM.

Sama seperti tadika-tadika yang lain, Tadika Al-Mawaddah turut sama menghadapi beberapa cabaran dalam menangani isu kanak-kanak. Namun, yang membezakan cabaran ini adalah ianya datang daripada kanak-kanak antarabangsa sekaligus menjadikan ia sebagai satu cabaran yang besar bagi mereka.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam, Nor Fadhilah Wahab, selain menerima anak-anak staf USM dan penduduk tempatan, mereka juga menerima kanak-kanak antarabangsa. Penerimaan tanpa mengira warganegara sememangnya mencabar, terutamanya dari segi budaya dan bahasa.

Pada tahun ini, Tadika Al-Mawaddah mempunyai 5 orang kanak-kanak antarabangsa yang berasal dari Indonesia. Oleh kerana ianya negara serumpun maka tadika ini tidak mempunyai banyak masalah dari segi budayanya.

Namun, pada tahun sebelumnya Tadika Al-Mawaddah menerima banyak kanak-kanak antarabangsa dari pelbagai negara dan budaya yang berbeza sekaligus menjadikan ia sebagai cabaran yang paling besar pada tahun tersebut. Hal ini demikian kerana ada di antaranya yang agresif sehingga memberikan kesan kepada pelajar tempatan.

"Kami memberikan layanan yang sama terhadap semua kanak-kanak. Namun, kanak-kanak antarabangsa ini dilihat sebagai kanak-kanak yang memerlukan penjagaan yang khusus disebabkan oleh perbezaan budaya."

"Mungkin budaya mereka agak kasar berbanding budaya kita sehingga agak sukar untuk mereka membiasakan diri dengan rakan sebaya di sini. Kebanyakan dari mereka menunjukkan sikap mahu berkawan namun, budaya yang kasar menyebabkan rakan sebaya takut untuk mendekati mereka. "Tindakan mereka juga merisaukan kami sebagai guru dan pihak pengurusan kerana kerap kali dilihat memukul rakan sebaya, memanjat bangunan, meniru aksi *superhero* seperti Superman dan Spiderman yang mana membahayakan diri mereka sendiri", katanya kepada wartawan BK.

Walau bagaimanapun, Tadika Al-Mawaddah mempunyai caranya sendiri dalam menangani isu kanak-kanak antarabangsa ini. Berkongsi pengalaman dan tindakan, Tadika Al-Mawaddah lebih memilih kepada kaedah psikologi seperti bercakap lembut dan sopan. Dengan cara ini sedikit sebanyak telah menunjukkan kesan positif apabila mereka menjadi seorang yang mendengar kata.

Sebaliknya, Tadika Al-Mawaddah melarang keras tindakan seperti memarahi dan memukul kerana ianya bukanlah satu kaedah yang baik dalam mengajar mereka. Natijahnya, mereka akan menjadi lebih agresif dan memberontak. Selain itu, kaedah mengumpan juga berhasil terhadap mereka.

"Kaedah mengumpan berhasil apabila kami tahu akan kelemahan kanak-kanak ini. Contohnya, apabila mereka takut dengan ibu bapa, biasanya kami akan mengumpan untuk memberitahu ibu bapa mereka setiap kali mereka ingin membuat kesalahan. Namun, hakikatnya kami tidak memberitahu kerana tidak menjamin tindakan ibu bapa mereka terhadap kanak-kanak antarabangsa ini", katanya.Bagi

Koperasi Tadika Minden (KTM), cabaran kanak-kanak antarabangsa ini adalah sama seperti Tadika Al-Mawaddah. Mereka ini terlalu aktif sehingga sukar dikawal oleh guru-guru di sini. Bezanya, kanak-kanak antarabangsa di sini pula yang kelihatan sukar untuk menyesuaikan diri dengan kanak-kanak tempatan. Menurut Guru Besar Koperasi Tadika Minden, Hazariah Mohd Siran, walaupun kanak-kanak antarabangsa ini sukar mendekati kanak-kanak tempatan namun, mereka akan mengambil masa yang singkat untuk bergaul mesra apabila kanak-kanak tempatan menunjukkan sikap mahu berkawan dan tidak membezakan bangsa atau negara di antara mereka.

"Kami berusaha sedaya upaya untuk mendidik kanak-kanak antarabangsa yang agresif ini supaya lebih berdisplin. Kami tidak menggunakan hukuman dalam memberi didikan kepada kanak-kanak, sebaliknya kami cuba untuk menanamkan perasaan suka untuk mengikut peraturan dalam kalangan kanak-kanak dengan kaedah menasihatinya", katanya.

Modul pembelajaran dan fokus utama

Di Tadika Al-Mawaddah ini, para pelajar diberikan pendedahan dan pembelajaran awal yang berteraskan Al-Quran dan fardhu ain. Kesibukan ibu bapa tidak menghalang anak-anak untuk mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran (P&P), kelas mengaji dan kelas agama kerana tadika ini menerapkan penghayatan cara hidup Islam secara menyeluruh.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam, Nor Fadhilah Wahab, P&P dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Malaysia menjadikan kanak-kanak antarabangsa yang menuntutdi sini menjadi lebih fasih dengan penggunaan bahasa kebangsaan.

Berbeza dengan Al-Mawaddah, Koperasi Tadika Minden (KTM) menerapkan P&P yang fleksibel dalam suasana pembelajaran yang selesa dan ceria untuk menggalakkan naluri ingin tahu, suka meneroka serta memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak.

Menurut Guru Besar Koperasi Tadika Minden, Hazariah Mohd Siran, P&P seperti ini membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat.

"Koperasi Tadika Minden juga menggunakan kurikulum yang berdasarkan Garis Panduan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

"Bersesuaian dengan modul pembelajaran yang menekankan. *softskill*, banyak aktiviti yang dijalankan sepanjang P&P Sebagai contoh, setiap kelas mempunyai slogan dan lagunya yang tersendiri dan mereka akan mempersembahkannya sekiranya terdapat pelawat yang mengunjungi mereka", katanya.

Kanak-kanak KTM juga diajar seni mempertahankan diri seperti silat dan kung fu dan didedahkan dengan aktiviti-aktiviti seperti pakaian beragam, bermain alat muzik serta pengucapan awam. Oleh itu, kanak-kanak di sini sering diundang melakukan persembahan tarian seperti di Pesta Konvokesyen USM dan juga Hari Kebangsaan.

"Sekiranya terdapat undangan untuk melakukan sebarang persembahan, kami akan cuba sedaya upaya untuk memenuhi undangan tersebut sekiranya tiada kekangan waktu", jelasnya lagi.

> "Kami memberikan layanan yang sama terhadap semua kanak-kanak. Namun, kanak-kanak antarabangsa ini dilihat sebagai kanak-kanak yang memerlukan penjagaan yang khusus disebabkan oleh perbezaan budaya."

Kecemerlangan pencapaian tadika di USM

USM merupakan satu-satunya universiti APEX di Malaysia yang cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan siswa-siwinya yang berkualiti. Mungkin ramai tidak menyedari bahawa dalam kampus USM terdapat pusat pendidikan awal untuk kanak-kanak.

Selaras dengan lokasinya yang berada dalam kawasan USM, tadika ini tidak terasing dengan pencapaian yang amat membanggakan. Tadika ini cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum pada peringkat negeri dan kebangsaan. Terdapat dua tadika di USM iaitu Koperasi Tadika Minden dan Tadika Al-Mawaddah.

Koperasi Tadika Minden (KTM) mempunyai pencapaian yang amat cemerlang kerana KTM banyak terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak USM dan pihak luar. Antara penglibatan KTM adalah Kempen Tangisan Jiwa yang dianjur dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar USM 2009/2010, Sekretariat Sukarelawan USM, Sekretariat Sukarelawan UUM dan Sekretariat UniMAP. KTM turut menyertai Formasi Jalur Gemilang sempena Majlis Perarakan Hari Kemerdekaan ke-56, Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.

Pencapaian terbesar yang diperolehi oleh KTM adalah mendapat tempat ketiga dalam *Certificate of Recognition Malaysian Bussiness Ethics Excellence Award* dalam kategori *Advocacy of Ethical Bussiness Practices* oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. KTM turut mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Produk Sempena Majlis Pengisytiharaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan sambutan Hari Koperasi Negara (HKN) pada tahun 2008.

Pencapaian terbaik Tadika Al-Mawaddah adalah terlibat dalam Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Timur Laut dan Peringkat Negeri serta mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sijil pada setiap tahun.

Jika dilihat dari corak aktiviti yang dilaksanakan atau disertai oleh kedua-dua tadika ini, perbezaan yang ketara dapat dilihat iaitu KTM lebih berkecenderungan untuk membangunkan akademik, intelektual dan sahsiah pelajar-pelajarnya berbanding Tadika Al-Mawaddah yang memfokuskan kepada pembangunan kerohaniah dan penerapan nilai-nilai Islam.

Jelaslah bahawa tadika di USM seiring dengan kecemerlangan yang diperolehi oleh USM. Antara aktiviti terdekat yang akan diadakan KTM adalah Konsert dan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Tadika pada 1 November 2014, di Dewan Budaya manakala Tadika Al-Mawaddah akan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Kecemerlangan KAFA dan Al-Mawaddah yang akan diadakan pada 15 November 2014.



KEMUDAHAN membantu proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) kanak-kanak di tadika.



GURU Besar KTM, Hazariah Mohd Siran menerima anugerah tempat pertama Pertandingan Produk yang dimenanginya oleh tadikanya.

Kemudahan yang disediakan oleh tadika



PEGAWAI Hal Ehwal Islam, Nor Fadhilah Wahab merungkai mengenai Tadika Al-Mawaddah.

Tiga bahagian unit pendidikan di bawah Pusat Islam ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang membantu pembelajaran kanak-kanak serta memudahkan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke Tadika Al-Mawaddah dan juga Koperasi Tadika Minden (KTM).

Antara kemudahan yang terdapat di Tadika Al-Mawaddah ialah perpustakaan, bilik multimedia dan 16 bilik darjah. Kemudahan bagi aktiviti luar seperti taman permainan turut disediakan berhampiran tadika. Memandangkan taman permainan tersebut berhampiran dengan jalan raya, sekeliling tadika tersebut telah dipagari. Hal ini bertujuan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak yang bermain di kawasan tersebut.

Bukan itu sahaja, kemudahan *One Stop Centre* turut disediakan di Tadika Al-Mawaddah. Dengan adanya *One Stop Centre* ini, segala urusan yang melibatkan penghantaran anak-anak ke tadika akan dibantu oleh pihak Pusat Islam. Terdapat tiga perkhidmatan yang ditawarkan di *One Stop Centre* seperti penjagaan separuh hari kepada kanak-kanak, transit dan pengangkutan dengan menggunakan van tadika.

Transit ialah satu kemudahan untuk memudahkan kanak-kanak melakukan persiapan diri seperti makan, minum dan lain-lain hal sebelum memasuki kelas sesi pagi atau petang. Ibu bapa juga tidak perlu bersusah payah untuk berulang-alik mengambil anak mereka ke sekolah kerana terdapat pengangkutan van yang akan terus membawa kanak-kanak ke tadika.

Selain daripada Tadika Al-Mawaddah, KTM juga turut mempunyai kemudahan yang tersendiri seperti tujuh bilik darjah, taman permainan, perpustakaan, bilik komputer dan pantri. Pusat sumber akan digunakan untuk aktiviti bercerita, berlakon, menonton video. Hal ini bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak. Selain daripada itu, bilik komputer, bilik muzik, bilik guru, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan bilik sakit turut disediakan untuk membantu guru-guru, staf dan juga kanak-kanak sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Yuran Tadika Al-Mawaddah

KATEGORI	YURAN BULANAN
Kumpulan sokongan USM & pelajar USM	RM80.00
Ahli Qaryah (Kumpulan sokongan) & pelajar antarabangsa	RM90.00
Kumpulan Pengurusan & Profesional	RM120.00

*Menerima kemasukan kanak-kanak usia dari 4 tahun hingga 6 tahun.
Untuk maklumat lanjut tentang Tadika Al-Mawaddah, sila hubungi 04-653 3753 atau e-mel, iswandi@usm.my

Yuran Koperasi Tadika Minden (KTM)

GAJI IBU BAPA	JUMLAH SEBULAN
< RM3000.00	RM170.00
RM3001.00 - RM6000.00	RM210.00
RM6001.00 - RM10000.00	RM270.00
> RM10000.00	RM290.00
Pelajar USM dari dalam atau luar negara	RM210.00
Bukan kakitangan USM	RM300.00

*Terdapat yuran-yuran lain seperti yuran insuran, deposit sebulan dan yuran pendaftaran. Selain itu, pembayaran saham RM100.00 akan dikenakan untuk semua ahli KTM selaras dengan Undang-Undang kecil yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada semua Koperasi. Untuk maklumat lanjut tentang KTM, sila hubungi 04-6572031 atau e-mel, tadikaminden@usm.my

The gathering of Otaku

By **MICHELE NG HENG KIM**

Out of nowhere, a boy with flaming orange hair appears in a pure black hakama. In his hand a thin, long sword with chain hanging from its black hilt while in the other a black scabbard. He might seem like a normal boy if his face is not half covered by a grotesque mask. Kurosaki Ichigo just walks calmly among the crowd that surrounds him occasionally stopping to strike a pose with his sword. That is an otaku.

Originally, the term 'otaku' comes from the Japanese word which means 'household' or the polite way of saying 'you'. However, this term is now associated with a modern slang referring to 'fan or a type of geek'. To be more specific, otaku are normally huge fans of anime (Japanese cartoon), manga (Japanese comic) as well as the Japanese culture.

The meaning of otaku has evolved significantly from a typical youth gang found in schools to being a culture. It is hard to understand how this 'youth gang' manage to develop to be what they are today but the evidence can be found in the existence of the Akihabara district in the heart of Tokyo, Japan. Akihabara is the heaven and paradise for otaku worldwide.

Akihabara, once known for its electronics shops, houses numerous shops specialising in anime, manga, video game, figurine and collectibles. This centre of the otaku culture is dedicated to its anime related establishments such as the maid cafes or butler cafes. These cafes see that their waiters and waitresses dress up as maids or butlers and treat customers as their master. There are also manga cafes where otaku have the privilege of reading manga or watching anime to their leisure.

The otaku culture is not limited to Japan and it has spread throughout the world. Its existence cannot be ascertained like in Japan with a district dedicated to it but by the conventions held by fans for fans. Hence, these are no ordinary conventions as they act as a platform to gather fans worldwide together on a common ground. Year by year, the number of fans brought together by the conventions continue to increase.



FANS.. of anime gather together during an ACG convention.

ACG conventions do not revolve solely on seeing their participants reading manga or watching anime. There are more to it than meets the eyes. For a non-otaku to enter the territory of an otaku, they have to open their mind to absorb and accept what they see, listen and experience. Often non-otaku laugh, snigger and look down on otaku as for them, the obsession with anime and manga is just ludicrous.

Out of the thousands that are in the convention hall, majority of them are dressed oddly. It is as if we just step into a completely new world and left all sense of reality behind. Every inch of the hall is filled with people of different world and era. In front of you is a group of shinigami (death god) in hakama and haori with katana (Japanese swords) at their waist. Behind you, a group of ninjas armed with shuriken and kunai (ninja's weaponry). At another corner, a group of Roman aristocrats are standing at a corner with an air of grace and superiority around them. Occasionally, a girl in yukata or kimono (Japanese traditional outfit) or maid outfit could be spotted. Although they look out of place and receive a glare once awhile, they remain aloof.

These are who we call cosplayers- otaku who indulge in dressing up and acting as their favourite character from an anime, film, manga or video game. They are driven solely by their passion and love of the Japanese culture. It might not seem like a big deal but you will be amazed by the length these cosplayers are willing to go. For one, the exquisite, fine details of their handmade costume and their effortless portrayal of the character cannot be ignored. By standing up close to them, the evidence of their devotion is crystal clear. Their willingness to go down to even the most minute detail such as a mole or a birthmark is indeed perplexing. We as bystanders at times cannot help but feel awed at the surreality and realism of their character brought to life from an animation, comic or video games.

These cosplayers are not only there to dress up (cosplay) but for another reason. One common activity in an ACG convention is cosplay competition. This is a competition where they are put to test their acting skills. In 30 seconds, they must act their character and impress the crowd. This is where their dedication is put to test in the midst of fans. One interesting scene is an assassin from the game Assassin Creed singing to perfect tune of Five For Fight, the soundtrack for Superman before resuming his deep, coarse voice. Their acting are so unusual that you are left bewildered, awed or both.

Once awhile, you will come across maid or butler cafes during these conventions. Instead of normal waiters and waitresses, maids or butlers who treat customers as their master will be at service. They talk, play games and even sing for their master. These maids and butlers put their master's satisfaction as their top priority. It is a refreshing experience to be treated specially throughout your meal.

On the other hand, there are also creative art market where booths selling artwork, animation merchandise and figurines are open to their loyal fans. The merchandises vary from bookmark, keychain, card collection, posters and many more. Aside from that, doujinshi (the term for self-published works) of both amateur and professional artistes can also be found at an ACG convention. For an otaku, the eagerness to get their hands on merchandises they are passionate and interested in cannot be quenched that easily. Despite the huge crowd and needing to push their way to navigate this 'market', it remains a paradise the otaku.

To non-otaku, all these seem like a waste of money as these merchandises are not cheap. They cannot comprehend the otaku desire to complete a particular collection. Nevertheless, for the otaku, it is not a waste of money if it is for an interest they hold dearly. In fact, it is a private accomplishment.

Another private accomplishment of the otaku is being able to meet artists of the Japanese animation field. In our daily life, the likelihood of meeting an artist or more at one time is simply nonsensical. However, this is a different case for otaku. Sure enough the artists otaku meet are not famous Hollywood artists like Orlando Bloom or Scarlet Johanson but we cannot deny the fact that well-known seiyuu (voice actor)- Masakazu Morita and Asakawa Yuu, singers- FLOW, Kalafina and famous cosplayers- Kaname and Angie have visited Malaysia during these conventions. However, we as Malaysians should be proud that our very own Danny Choo is a prominent figure in the animation world in Japan.

Danny Choo is the son of Datuk Jimmy Choo, Malaysia's renowned shoe designer. Danny Choo has emceed a couple of conventions held in Malaysia and even hosted his very own event, Culture Japan Convention last year in Penang. He is the producer of Culture Japan, a brand that shares Japanese culture internationally through various media such as television shows, products and events. He created his own brand mascot, Mirai Suenaga who has collaborated with many big companies such as Air Asia, Kinokuniya, Good Smile Company and Bushiroad.

With the increasing participants at annually held conventions in the country, the culture is certainly spreading although it is different from the norm that we Malaysians are so used to. The otaku culture is unique in its affinity among its fan or otaku.

Guardians at the swimming pool

By **AU TSE EN NICOLE**

Most people know how to swim, but are you ready to save lives of others when you see they are drowning? Most people know what Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR) is, but are you ready to perform a CPR in an emergency? Founded in 1979, USM Lifeguard Corps, which currently has 31 lifeguards and nine instructors, could train you to be a lifeguard by providing you with the skills of lifesaving.

About USM Lifeguard Corps and courses

With the vision to be a well-known organization in the country that excel in lifesaving sports and provide a quality lifesaving training program, Ng Shin, School of Chemical Sciences 3, the Captain, said that USM Lifeguard Corps offers both lifesaving and CPR courses to USM students with a student price. Those who have gone through and passed the CPR course can proceed to lifesaving course.

"It normally takes only two weeks to complete the CPR course, however, this does not mean that lifesaving course comes more importantly than CPR skills. As accident could happen anytime, anywhere, to anyone, including those we love and care for, having the CPR skills could help a lot, " said Ng during the interview with Berita Kampus.

Moreover, CPR does not require a good stamina, everyone can do it. It is just a skill that requires proper technique.

Talking about the lifesaving course, Ng said there are four levels of the course - Bronze Medallion / International Life Saver (ILS), Bronze Cross, Award of Merit and Distinction of Award. On top of that, USM Lifeguard Corps offers beginner level for those who cannot swim. Thus, those who cannot swim can learn lifesaving by joining the beginner level.

What does it take to be a lifeguard in USM?

Although there are four levels of the lifesaving course, to be a lifeguard in USM, a student needs to pass only the first level (Bronze Medallion) and an interview which ensures that he/she is physically and mentally ready to be a USM lifeguard.

"Self-discipline, dedication and time management are important qualities to be an outstanding lifeguard, " Ng said this to Berita Kampus when asked about additional qualities needed to be a lifeguard. Having a sense of emergency is also important for a lifeguard.

This is because lifeguards need to keep an eagle eye on swimmers, patrol the pools, and stay alert even when things get dull.

"At USM Lifeguard Corps, we will teach the lifeguards to avoid physical contact with those in the water. We will take aids such as a

Himpunan Solidariti Ummah bersama enam dekad nakbah Palestin

Oleh **NURHABIBAH NORDIN**

Istilah Nakbah adalah satu perkataan yang agak asing bagi sebahagian rakyat Malaysia melainkan buat mereka yang benar – benar prihatin mengenai isu umat Islam antarabangsa terutamanya di Palestin. Nakbah bermaksud malapetaka atau bencana besar yang berlaku kepada sesebuah negara atau kawasan. Nakbah Palestin pula merujuk kepada penubuhan Israel yang telah diisytiharkan secara rasminya pada 15 Mei 1948 dan mengakibatkan penderitaan terhadap rakyat Palestin. Tarikh 15 Mei itu adalah satu titik hitam yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk asal bumi Palestin, masyarakat Arab dan masyarakat Islam keseluruhannya.

Menurut Zainur Rashid Zainuddin dalam bukunya *Palestin Dijajah: Dimanakah Solahuddinnya?*, Peristiwa Nakbah Palestin ini berlaku selepas terlaksananya kependudukan dan penjajahan haram oleh rejim Yahudi Zionis yang sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan ke atas tanah dan penduduk asal negara Palestin secara sistematik dengan berbekalkan bantuan kewangan, senjata, tenaga dan lain-lain daripada kuasa besar British dan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menurutnya lagi, kerajaan British merupakan sekutu kuat gerakan Yahudi Zionis yang telah membantu Zionis mengisytiharkan Deklarasi Balfour pada 2hb November 1917 apabila kerajaan British telah memberi jaminan untuk mewujudkan sebuah negara yang dikhususkan hanya kepada bangsa Yahudi di Palestin. Setelah Deklarasi tersebut, penjajahan bermula dengan penghijrahan beramai-ramai ratusan ribu Yahudi Eropah dan Rusia ke Palestin.

Kini, lebih 6 dekad bumi Palestin dijajah oleh Yahudi Zionis, iaitu satu penjajahan yang kejam dan tidak mengenal erti keadilan.



SEMANGAT.... Lebih 20,000 umat Islam menghadiri Himpunan Solidariti Ummah yang berlangsung di Nilai, Negeri Sembilan.

Sejarah telah membuktikan kekejaman tersebut. Rakyat dan negara Palestin terus diganyang oleh bangsa ini sehinggakan hampir semua ahli keluarga mereka dibunuh, rumah dan harta benda mereka dibom dan dirampas termasuklah Masjid Al-Aqsa yang diberkati Allah turut dicabuli kesuciannya.

Umat Islam di seluruh dunia seharusnya bersatu memainkan peranan dalam memperjuangkan isu Palestin yang merupakan isu utama yang penting untuk umat Islam pada abad ini. Sebagai tanda umat Islam bersatu dalam memperjuangkan isu dan hak Palestin, Himpunan Solidariti Ummah (HSU) telah diadakan pada 13 September di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

HSU ini telah dianjurkan oleh Aman Palestin Bhd dengan kerjasama 11 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam tempatan antaranya Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Majlis Perundingan Melayu (MPM) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan lain-lain pertubuhan NGO Islam.

Sepanjang HSU berlangsung, seramai lebih 20,000 umat Islam daripada seluruh pelosok Malaysia termasuk rombongan lebih 70 pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) termasuk wakil daripada Aman Palestin Pulau Pinang turut membanjiri Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Awang Suffian Awang Piut, himpunan itu telah menyasarkan kehadiran seramai 20,000 umat Islam yang diadakan bertujuan melahirkan tanda kesepaduan berhubung kezaliman Israel terhadap penduduk Palestin.

"Perhimpunan Himpunan Solidariti Ummah ini juga merupakan acara kemuncak bersempena Bulan Kemarahan Ummah yang dilancarkan pihaknya di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 9 Ogos lalu", tambahnya lagi.

Kemuncak himpunan tersebut ialah perkongsian berita gembira mengenai kemenangan Gaza pada 26 Ogos 2014 yang lalu. Perang Gaza yang terbaru ini adalah perang yang paling lama disertai oleh Yahudi Zionis yang berlalu selama 51 hari. Kemenangan tersebut berlaku menerusi delegasi oleh pihak Palestin yang telah mencapai persetujuan genjatan senjata jangka panjang dengan Israel di Kaherah yang bertujuan untuk menghentikan pergolakan di Gaza.

Berita tersebut disambut dengan laungan takbir daripada umat Islam yang hadir HSU tersebut. Bendera Palestin dikibarkan tanpa henti disetiap sudut ruang stadium dan kelihatan seorang kanak-kanak mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh semangat berbekalkan semangat Al-Qassam.

"Israel bacul, Israel kalah dengan strategi, Israel kalah dalam medan politik. Israel hanya mampu membunuh orang yang tidak berdosa, hanya mampu membunuh perempuan yang tidak bersenjata. Tetapi Israel gagal mengalahkan tentera Al-Qassam yang hebat", tegas Pengerusi Eksekutif Aman Palestin Berhad, Ustaz Abdullah Zaik Abd Rahman.

"HSU sewajarnya diadakan di setiap negara supaya dapat membuka mata masyarakat dan dapat memperlihatkan ikatan yang kukuh umat Islam dalam menangani isu penderitaan Palestin ini", kata Nurul Nisha Nafalia Roslan, penuntut Kolej Teknologi Alpha kepada Berita Kampus.

---

stick or a lifebuoy to save a victim before going into the water and save him, " Ng said.

The examinations are all recognised Even though the instructors are all USM students, the examination is recognised by Life Saving Society Malaysia (LSSM). According to Ng, there will be examiners from LSSM to evaluate student's level and standard. Students who passed all the four levels are qualified to be an instructor.

"As one of the well-known lifeguard corps among the local universities, in March 2014, we were invited by Penang Triathlon Club to be lifeguards during the International Triathlon & Duathlon 2014, " Ng said.

He also added that The Association of Special Olympics Penang invited USM Lifeguard Corps to teach their members swimming on a one-on-one basis.

What else can one gain from USM Lifeguard Corps

"Actually being an instructor is something that I dare not dream of, for a person that completely doesn't know how to swim", Ng shared his personal experience in USM Lifeguard Corps. However, he is now an instructor and the Captain of USM Lifeguard Corps. He learns how to motivate people, how to gain others' trust and how to be a good leader in USM Lifeguard Corps.

He remembers there was a time doing compact jump (jumping from a high level), where one of his students looked at him, hopelessly and afraid, hoping that the instructor could give the student courage to jump. From that moment, Ng knew he gained trust from his students and knew he has the responsibility to guide his students to pass the exam.

Moreover, there will be gatherings and outings among the members from time to time to maintain their strong bond among each other.

Talking about the concrete benefit of a USM lifeguard, Ng said every lifeguard will be allocated hostel in USM.



"Self-discipline, dedication and time management are important qualities to be an outstanding lifeguard"

Instructor and Captain of the USM Lifeguard Corp, Ng Chin

PMI anjur program ukhwah

Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) telah mengadakan Sepagi Bersama PMI USM pada hari selasa, 16, September , 2014. Program yang melibatkan seramai 150 orang siswa-siswi ini telah berlangsung di Tasik Fajar.

Menurut Penolong Pengarah Program Hanis Huzail, berkata program yang dijalankan lebih kepada aktiviti riadah dan dapat mengeratkan ukhwah antara pelajar. Aktiviti yang bermula pada 7.30 pagi dan berakhir pada 10.30 pagi telah di diisi dengan pelbagai permainan yang dapat mengeratkan siswa-siswi. Tambah beliau walaupun program ini dijalankan oleh persatuan yang beragama Islam, namun terdapat juga pelajar berbangsa Cina yang turut menyertai program tersebut.

Selain dapat menyihatkan badan, siswa-siswi juga turut diberi tazkirah atau nasihat bagaimana untuk menghadapi kehidupan baru yang bakal mereka tempuhi di alam universiti. PMI juga akan mengadakan lebih banyak program dan di antaranya ialah solat hajat yang bakal berlangsung pada 25.9.2014.

USM Buddies welcome international students

A hundred and forty international exchange students from 23 countries were warmly welcomed, oriented and brought around the Universiti Sains Malaysia (USM) campus during the USM International Students Orientation Week, held within campus grounds from the 1st to 5th of September, 2014.

Among the activities held for the five-day long orientation event organised by Buddies USM , a club under the USM International Office, were flash mobs, dances, various ice-breaking games, and a hiking trip to Pantai Kerachut. There was also a multi-cultural welcoming party held at Balai Pesiban, School of The Arts, USM that featured a variety of cuisines and performances from the exchange students as well as Buddies' members.

30 Buddies USM members came back a week earlier before the start of the academic year to help ferry the exchange students from the airport to USM, arrange accommodation for them inside or outside campus based on their preference, and open counters on behalf of various departments in USM such as Pusat Sejahtera, the Student Affairs Department, and the Treasury Department to assist exchange students in paying their fees and settling down in the university.

Buddies member Joyce Fan, Communication 2, felt that joining the orientation week is beneficial for her course. "I learned how to deal with people." Another fellow Buddies member, Chwee Sher Yen, Communication 2, felt that she experienced a lot of interaction between locals and exchange students.

According to Saadi Salma, an exchange student from Morocco majoring in Management, the welcoming party was her favourite part of the orientation week as she got to enjoy different performances from all over the world. Japanese exchange student Miki Matsumura, who majors in Social Science, shares similar sentiments. "I enjoyed the traditional party and the Buddies' members' performance."

Another exchange student from Thailand, Cherting Horprasertwong, who goes by the name Krit, liked the icebreaker games. "I got to know a lot of people." Krit also found his experience in USM pleasant enough to cancel out the negative first impression that he first got when arriving in Malaysia. "Someone cut the line while I was lining up at the airport. However, I was welcomed by many Buddies and feel that they are very friendly."

According to James Teoh, Management/4, who is the club's president, besides the orientation week, there will be 5 other major activities organised throughout the semester by Buddies USM for the exchange students. "There will be a cave expedition, International Week, a human foosball session, a USM-wide event called Color 1Malaysia and a gala night."

James hopes that the exchange students can join every event organised by the International Office for them. "Seeing them enjoy themselves gives me satisfaction," he said.

> Someone cut the line while I was lining up at the airport. However, I was welcomed by many Buddies and feel that they are very friendly.

Kluster Sekretariat Kampus Sejahtera budayakan kelestarian

Oleh **NURHABIBAH NORDIN**

Sekretariat Kampus Sejahtera (SKS) menjadi salah satu platform untuk mewujudkan sikap kesukarelawan dalam kalangan siswa-siswi dan menyokong sebarang aktiviti yang berkaitan dengan kelestarian di dalam kampus.

Demikian menurut Penolong Pegawai Tadbir Sekretariat Kampus Sejahtera, Muhammad Firdaus Mat Jusoh sewaktu perjumpaan pertama sekretariat mengikut kluster. Perjumpaan tersebut telah berlangsung di Padang Kawad rabu lepas.

Terdapat enam kluster SKS iaitu kecekapan tenaga, kelestarian air, biodiversiti, gaya hidup sihat, urban agrotechture dan pengurusan sisa. Kluster berperanan untuk memastikan sesuatu program yang diadakan berjalan lancar. Contohnya, setiap ahli kelestarian air berperanan mengadakan kempen penjimatan air di universiti. Walau bagaimanapun, mana-mana ahli daripada kluster lain boleh membantu kluster lain sepanjang kempen. Hal ini bertujuan melahirkan sikap kesukarelawan yang tinggi dalam kalangan ahli.

"Kesemua kluster ini saling berkait rapat dan merupakan elemen utama yang wujud di Universiti Sains Malaysia (USM). Memandangkan USM ialah sebuah universiti yang mempunyai konsep kelestarian, maka, kita ingin melahirkan siswa-siswi yang mengamalkan kelestarian universiti seperti penjimatan elektrik dan air yang diadakan", ujar mantan Pegawai Tadbir Sekretariat Kampus Sejahtera, Mohamad Haikal Imran Mohamed Zukmi yang turut hadir perjumpaan tersebut.

Selain daripada itu, siswa-siswi juga seharusnya diberikan pemahaman dan pendedahan mengenai konsep kelestarian yang wujud di dalam USM. Timbalan Ketua Kluster Kelestarian Air Muhammad Najiy Ab. Hamid berkata siswa-siswi yang mempelajari amalan kelestarian di dalam kampus akan melahirkan masyarakat yang mengamalkan kelestarian apabila sudah bergraduasi kelak.

"Kita ingin membuktikan kepada masyarakat bahawa siswa-siswi juga turut memberikan sumbangan dalam menangani isu-isu kelestarian di peringkat global", tambahnya lagi kepada Berita Kampus.



SAMBUTAN menggalakkan daripada siswa-siswi yang mendaftar sebagai ahli Sekretariat Kampus Sejahtera.

Tribute to Gaza: Jualan Amal memberi seribu makna

Program Tribute to Gaza yang diadakan pada 17 hingga 19 September lalu telah mengadakan Jualan Amal di perkarangan Dewan Kuliah U bertujuan untuk membantu rakyat Palestin. Hasil jualan sebanyak RM5000 akan disalurkan kepada rakyat Palestin dan program Jualan Amal ini juga turut melibatkan kerjasama pasukan Aman Palestin Malaysia.

Pembantu Tadbir Aman Palestin, Mohd Muizzudin Suid berkata untung daripada hasil jualan amal akan dihantarkan kepada Aman Palestin di Gaza, dan wang tersebut akan digunakan untuk gerak kerja serta barangan keperluan bagi masyarakat di sana.

Beliau berkata segala barang keperluan semasa yang diperlukan di sana akan ditentukan oleh kerajaan Gaza dan pihak Aman Palestin akan menyediakan barangan keperluan tersebut dengan menggunakan dana yang telah di kumpul.



SISWI tertarik dengan barangan di Jualan Amal.

Menurut Muizzudin, barangan yang dijual di Jualan Amal ini adalah baju, cenderamata dan buku-buku yang diterbitkan oleh Aman Palestin dan beberapa syarikat penerbitan buku yang lain.

Selain itu juga, Aman Palestin turut menyediakan beberapa tabung kutipan derma khusus untuk rakyat Palestin yang berada di Syria dan negara di sekitar Gaza.

Bangkit bantu rakyat negara Islam yang ditindas

Oleh NABILAHAISAH TAWANG

Unit Transfusi Perubatan Hospital Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) telah menarik perhatian ramai siswa-siswi dan staf USM untuk menderma darah dalam program 'Tribute To Gaza And Other Muslim Countries'. Pelaksanaan program ke-13 Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ini diadakan di Foyer Dewan Tuanku Syed Putra pada 17 September lalu.

Pegawai Seranta Unit Transfusi Perubatan, Zamri Latib menjelaskan bahawa bekalan darah yang diterima akan disalurkan terus kepada Hospital Pulau Pinang dan seterusnya kepada penduduk Gaza yang lebih memerlukannya. Selain itu, program ini dapat memperbanyak bilangan penderma baru.

Menurut beliau, seseorang penderma hanya mampu menderma 450ml atau 350ml mengikut tahap kesihatan dan berat badan. Dengan seramai 40 orang penderma hanya dalam masa dua jam, beliau melihat kecaknaan yang tinggi daripada warga USM terhadap rakyat Palestin.

"Pihak kami menyediakan satu borang derma darah yang mana menjadi prosedur yang perlu dilalui oleh seseorang penderma amat menekankan aspek kesihatan secara tidak langsung dapat menerapkan gaya hidup yang sihat", katanya lagi.

Pengarah Projek, Mohamad Khairul Anam Masal, berkata bahawa kewibawaan yang ditonjolkan oleh ahli MPP dalam berkhidmat dan berkongsi kesedihan di Gaza mampu membuka minda siswa-siswi ke arah isu yang lebih global dan bukan hanya di USM sahaja.



PRIHATIN staf dan pelajar terhadap keperitan yang dirasai Gaza

Norsyafiqah Zamal Ishak, Komunikasi 3, berkata bahawa sambutan siswa-siswi terhadap aktiviti kesukarelawan ini amat menggalakkan. Buktinya, mereka terpaksa menunggu hampir dua jam bagi mendapat giliran untuk menderma.

Zuhaili Zakaria, Farmasi 3, melihat kesedaran sebegini seharusnya wujud dalam diri setiap masyarakat, bukanlah dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi sahaja. Bahkan, pelaksanaan program ini hendaklah sentiasa diteruskan bagi membantu rakyat yang ditindas di negara-negara Islam pada masa akan datang.

Zero waste manfaatkan siswa-siswi

Talk Series: Zero Waste anjuran Sekretariat Kampus Sejahtera, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 17 September lalu yang bertempat di Dewan Pembangunan Siswa I (DPS1), Kompleks Cahaya Siswa USM dari jam 8 hingga 10.30 malam telah mendapat sambutan hangat dalam kalangan 400 orang siswa-siswi.

Selain untuk membuka minda siswa-siswi tentang apa "zero waste", menurut Pengarah Projek, Siti Nur Hidayah binti Abdul Rahim, Pusat Pengajian Teknologi Industri 2, objektif ceramah ini adalah untuk mengurangkan pembuangan sampah.

Antara tetamu yang dijemput untuk mengupas dan menghaluskan kefahaman siswa-siswi tentang "zero waste" termasuk Pengerusi Rancangan Teknologi Persekitaran, Pusat Pengajian Teknologi Industri, Profesor Madya Dr. Mahamad Hakimi Ibrahim, kedua-dua Penolong Pegawai Penyelidikan Teknologi Persekitaran, Pusat Pengajian Teknologi Industri, Muhamad Hamzah Abdul Hamid dan Shahida Abdul Aziz.

Dalam ucapan Profesor Madya Dr. Mahamad Hakimi Ibrahim, beliau berasa bangga dan gembira kerana siswa-siswi telah mengambil inisiatif untuk menjemput beliau untuk menyampaikan ceramah ini. Beliau berpendapat bahawa "zero waste is possible" sekiranya kita sebagai pengguna menolak pembaziran.



UCAPAN Profesor Madya Dr. Mahamad Hakimi Ibrahim menarik minat siswa-siswi.

Sementara itu, Muhamad Hamzah Abdul Hamid dalam ucapan telah memperkenalkan kompos dan proses membuat kompos kepada siswa-siswi. Manakala Shahida Abdul Aziz telah mengupas tajuk Kembara Sisa Sifar (Zero Waste Journey).

Apabila ditemui oleh Berita Kampus, Siti Nur Hidayah menyeru siswa-siswi untuk menyokong kegiatan anjuran Sekretariat Kampus Sejahtera. Beliau juga menyeru siswa-siswi untuk menjadikan "zero waste" sebagai realiti di kampus, sebelum mengembangkan amalan ke masyarakat.

Menurut Tan Yun Kai, Sains Kimia 1, ceramah seperti ini telah memanfaatkan siswa-siswi kerana ia dapat mengubah fikiran siswa-siswi terhadap sampah kepada sesuatu yang bermanfaat.

Ragini Asohan, Ilmu Kemanusiaan 1 pula berasa bangga dan gembira selepas mengetahui terdapat individu-individu yang sedang berusaha untuk kesejahteraan alam sekitar.

Pengarah baru junjung wawasan

Warga kampus yang sihat adalah harapan utama bagi merealisasikan hasrat Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mewujudkan sebuah Kampus Sejahtera demi menjamin kehidupan yang sihat untuk kelestarian hari esok.

Selaras dengan wawasan yang ditetapkan iaitu, "Mewujudkan warga kampus yang secara holistik sihat dari aspek mental, sosial, dan rohaniah dan kesejahteraan hidup bagi memenuhi hasrat universiti ke arah mencapai kecemerlangan di peringkat global", Dr Normala Abdul Wahid, Pengarah baru Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian), USM berharap warga kampus dapat mencapai tahap kesihatan diri yang seimbang selaras dengan tugasan dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Menurut Dr Normala, leka terhadap isu kesihatan dan kurang melakukan aktiviti sihat menimbulkan banyak masalah dalam kalangan warga kampus. Tabiat suka tidur lewat, malas berjalan kaki, tidak melakukan aktiviti riadah dan pengambilan makanan yang tidak sihat menjadi punca utama warga kampus mengalami pelbagai masalah kesihatan dan ini boleh menyumbang kepada banyak masalah kesihatan yang serius pada masa akan datang.

"Hubungan yang baik antara Pusat Sejahtera dan warga kampus amat digalakkan agar kita bersama-sama dapat mengatasi masalah kesihatan yang wujud dalam kalangan warga kampus. Keakraban antara warga kampus dan pihak pentadbiran Pusat Sejahtera memudahkan lagi Pusat Sejahtera memahami segala masalah yang wujud dalam kalangan warga kampus dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai untuknya", tambah Dr Normala lagi.

Kewujudan kesihatan yang stabil dari aspek mental, fizikal dan intelektual mampu melahirkan golongan yang sihat dan berkaliber pada masa akan datang. Itu menjadi wawasan utama Pusat Sejahtera yang bukan hanya mahu warga yang bijak pandai tetapi juga stabil dari segi kesihatannya. Pengamalan gaya hidup yang sihat dan aktif dapat melahirkan generasi yang sihat.

> "Hubungan yang baik antara Pusat Sejahtera dan warga kampus amat digalakkan"

Penjualan lot pameran dibuka

Penjualan lot pameran anjuran Majlis Sekretariat Ekspo Konvokesyen 2014 (ConvEx'14) telah dibuka dari 25 Ogos hingga 1 November pada jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang bertempat di Kompleks Cahaya Siswa. Penjualan lot pameran ini terbuka kepada persatuan USM, agensi kerajaan dan agensi swasta yang ingin menyertai pameran Ekspo Konvokesyen.

Menurut Ketua Jabatan Koridor Pameran, Muhammad Izzat, pihak yang ingin penyertai pameran ini harus mendapatkan borang permohonan rasmi. Borang ini bernilai RM20 bagi agensi kerajaan dan swasta manakala bagi persatuan USM bernilai RM10. Pameran ini akan ditempatkan di Tapak Konvokesyen pada 5 hingga 9 November. Pameran ini bertujuan memberi pendedahan mengenai penyelidikan yang telah dijalankan oleh pensyarah, pelajar dan agensi-agensi luar.

Selain itu, pameran kerjaya juga diadakan bagi membuka peluang kepada graduan-graduan yang berkelayakan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sesuatu bidang kerjaya.

Segala hal yang berkaitan dengan pengurusan pameran ini dikendali sepenuhnya oleh siswa-siswi Universiti Sains Malaysia sendiri. Pameran yang berlangsung selama 5 hari ini akan memberi input bermanfaat kepada pengunjung yang kebanyakannya terdiri dari kumpulan pelajar sekolah dan orang luar.

Borang bakat langkah awal pilih wakil desasiswa

Borang bakat yang diedarkan ketika Minggu Orientasi kepada siswa-siswi baharu ialah langkah penting dalam memilih bakat-bakat baru untuk diketengahkan mewakili Desasiswa masing-masing selaras dengan hasrat pembangunan kemahiran insaniah.

Menurut Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain, borang bakat amat penting dalam mencari pelapis-pelapis baru bagi setiap pertandingan sepunya peringkat universiti.

"Walau bagaimanapun, borang bakat ini bukanlah menjadi kayu ukur untuk menilai kualiti seseorang pelajar itu kerana setiap orang mempunyai bakat yang berbeza dan di peringkat universiti bakat tersebut digilap melalui pelbagai program yang dianjurkan," katanya.

"Kewujudan borang bakat ini penting kepada pihak pengurusan untuk memilih barisan kepimpinan Majlis Penghuni Desasiswa supaya perancangan dan pelaksanaan program yang dibuat dapat berjalan dengan lancar,"ulasnya lagi.

Dr Nik Haslinda berkata siswa-siswi yang terlalu mengejar akademik semata-mata tanpa berusaha mengembangkan bakat yang ada memberi cabaran kepada universiti dalam mencapai 9 teras APEX fasa kedua kerana tidak semua teras tersebut dapat dicapai melalui akademik semata-mata namun melalui penglibatan aktif siswa-siswi itu sendiri.

"Kita akan melahirkan manusia robot yang tidak memikirkan orang lain dan pentingkan diri sendiri sekiranya teras-teras yang digariskan tidak dapat dicapai. Hal ini akan memberi impak terhadap organisasi pekerjaan yang mereka sertai setelah bergraduasi kelak," tambahnya lagi.

Norsuhada Johari, Ilmu Kemanusian 1 menyatakan bahawa borang bakat sememangnya perlu ada dalam menilai potensi setiap siswa-siswi dan daripada borang tersebut, pihak pengurusan dapat mencari solusi melibatkan mereka yang langsung tidak aktif dengan program Majlis Penghuni Desasiswa.

Kee Kai Shing, Sains Kajihayat 1 memberi cadangan untuk mewajibkan borang bakat ini kepada semua Desasiswa supaya pihak berkenaan dapat mengambil langkah tertentu dalam mengembangkan bakat-bakat siswa-siswi.

Islam menolak pluralisme akidah

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan program wacana ilmu siri ke-13 yang bertajuk Pluralisme Akidah: simbol, warna dan makna kebebasan bertempat di Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 3 Universiti Sains Malaysia (USM) pada 17 September yang lalu.

MPP telah menjemput Pengerusi Yayasan An-Nassar, Ustaz Nasharudin Mat Isa sebagai penceramah bagi membincangkan isu pluralisme akidah yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia.

Menurut Nasharudin, pluralisme akidah ialah satu idea bahawa semua agama adalah sama kerana semua agama mengajak kepada kebaikan, kedamaian dan ketenangan yang dipelopori oleh John Hicks. Islam menolak pluralisme agama kerana Islam merupakan agama tauhid yang berpaksikan kepada satu Tuhan.

"Islam menolak pluralisme agama (kesyirikan tauhid) dan bukannnya pluraliti agama yang bererti penerimaan hakikat kewujudan pelbagai agama, bangsa, puak, bahasa dan lain-lain di muka bumi ciptaan Allah S.W.T ini", ujar Nasharudin.

Tambah beliau lagi, tren-tren dominan daripada negara barat mempengaruhi cara kehidupan dan pegangan seorang Muslim. Misalnya isu kecenderungan seksual alternatif yang menjadi masalah dalam kehidupan umat Islam. Pengaruh daripada negara barat meyakinkan hak seksual sebagai satu hak kebebasan yang perlu dituntut.

Kuasai kemahiran literasi maklumat elak budaya 'copy paste'



FOKUS antara siswa-siswi yang menghadiri salah satu sesi bengkel selama 1 jam yang berjalan dari pukul 9 pagi hingga 5.30 petang.

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Siswa-siswi dapat kuasai kemahiran literasi maklumat dalam masa satu jam menghadiri Bengkel Jom Cari Maklumat @Perpustakaan bermula 15 September hingga 3 Oktober di Perpustakaan Hamzah Sendut.

Ketua Unit Pendidikan Pengguna Bahagian Rujukan dan Penyelidikan, Perpustakaan Hamzah Sendut, Noor Anisah Khadiri berkata bengkel ini membantu siswa-siswi tahun pertama mengenali sistem perpustakaan untuk memudahkan pencarian bahan bacaan selain mengelakkan budaya 'copy paste' dari sumber internet.

Jelasnya lagi, "OPAC Krisalis kini lebih interaktif dengan menampilkan Krisalis Discovery yang bersifat seperti 'Google', dengan hanya satu klik pengguna dapat mengakses pelbagai maklumat."

Tambah beliau, bengkel ini akan diadakan sebanyak 81 sesi yang dapat menampung kira-kira 3564 siswa-siswi tahun pertama. Setiap sesi memuatkan sebanyak 44 orang. Manakala bagi siswa-siswi lain terdapat kelas harian lebih intensif disediakan.

Menurutnya lagi, kelas harian tersebut meningkatkan kemahiran menggunakan pangkalan data, mencari jurnal, kertas peperiksaan lepas, kajian literatur dan sebagainya untuk memenuhi kehendak siswa-siswi. Kelas harian ini diadakan 3 jam pada setiap hari Isnin dan Rabu.

Tegas beliau, bengkel ini dapat meningkatkan kemahiran literasi kepada siswa-siswi terutama siswa-siswi baharu supaya tugasan lebih bermutu kerana menggunakan bahan perpustakaan yang bersifat akedamik bukan hanya 100% bergantung kepada internet.

Misi kemanusiaan dan ibadah korban USM bersama warga Kemboja

Warga Universiti Sains Malaysia bakal mengadakan ibadah korban di Kemboja sempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang bakal menjelang pada awal Oktober ini. Misi kemanusiaan ini dianjurkan oleh Pelajar Tanpa Asrama (PETAS), Postgraduate Student Association (PSA), Pejabat Antarabangsa USM, dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPPUSM) 13/14.

Menurut pengarah projek bagi program ini yang juga wakil MPP Sains Kemasyarakatan Hazwanuddin Hanifuddin, seramai 20 orang siswa-siswi termasuk pegawai pengiring akan bertolak ke Kemboja pada 1-7 Oktober ini. Bertempat di wilayah Kampung Chenang Kemboja, matlamat utama misi kesukarelawan ini adalah mengerjakan ibadah korban bersama dengan masyarakat Islam Kemboja dan serta menghulurkan bantuan kemasyarakatan kepada mereka.

Sumbangan yang sedang dilancarkan adalah bahagian ibadah korban iaitu lembu sebanyak RM270 sebahagian dan kambing RM550 seekor. Selain itu pemberian sejadah dan juga naskhah Al-Quran juga akan dibawa bersama.

> Matlamat utama misi kesukarelawan ini adalah mengerjakan ibadah korban bersama dengan masyarakat Islam Kemboja dan serta menghulurkan bantuan kemasyarakatan kepada mereka.

Sejahtera Walk lepasi sasaran

Oleh **ASMAH ALI**

Program Sejahtera Walk anjuran Kampus Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) daripada Kluster Kesihatan dengan kerjasama MySihat di Padang Kawad (USM) berjaya mendapat perhatian siswa-siswi.

Pengarah Projek Sejahtera Walk, Mohd. Aidid Waliyuddin Remli berkata pada asalnya, mereka hanya menyasarkan seramai 300 orang sahaja untuk menyertai program ini, namun sambutan yang sangat memberangsangkan daripada siswa-siswi sehingga mencecah 400 orang.

"Program ini ialah salah satu lagi pendedahan kepada amalan gaya hidup sihat dengan beriadah di waktu petang di samping memelihara kebersihan sekitar kampus", katanya.

Tambah beliau sebanyak 161.5kg sampah yang terkumpul hasil program ini.

Peserta Sejahtera Walk, Muhamad Fitri Mustafa, Pengurusan 1 berkata bahawa program ini di ketahuinya melalui Talk Kampus Sejahtera yang diadakan pada 17 September lalu mendorongnya untuk menyertai aktiviti sedemikian.

Beliau menyuarakan rasa gembira menyertai program ini kerana dapat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang siswa yang berbakti kepada kampus sendiri.

"Ini memberi suatu kepuasan buat saya kerana semangat cintakan kampus harus disemat dalam diri setiap siswa-siswi", katanya.



PESERTA Sejahtera Walk berganding bahu membersihkan Kampus Induk USM.

> Program ini ialah salah satu lagi pendedahan kepada amalan gaya hidup sihat dengan beriadah di waktu petang di samping memelihara kebersihan sekitar kampus

SRM tarik minat siswa-siswi baru

Pencarian Sekretariat Rakan Muda Universiti Sains Malaysia (SRMUSM) bagi sidang 2014/2015 yang berlangsung selama 6 hari di bilik Kor Sukarelawan baru-baru ini telah mendapat sambutan daripada siswa-siswi USM.

Yang DiPertua (YDP) Sekretariat Rakan Muda, Muhammad Solihin Ahmad Sharudin, berkata sepanjang 2 tahun penglibatannya dalam SRM inilah merupakan sesi temuduga yang paling banyak disertai siswa-siswi dan jumlahnya hampir mencecah 150 siswa-siswi.

"Memang tidak dinafikan kebanyakan siswa_siswi yang datang ke sesi temuduga ini terdiri daripada siswa-siswi tahun 1 dan selebihnya diikuti siswa-siswi tahun 2 dan 3. Penglibatan yang kurang dari pelajar tahun 3 berkemungkinan disebabkan oleh penumpuan terhadap projek tahun akhir mereka", jelasnya.

Apabila ditanya mengenai objektif pencarian SRM ini, beliau berkata pencarian SRM bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru serta keupayaan yang pelbagai dalam diri setiap siswa-siswi.

"Kami ingin dedahkan kepada siswa-siswi bahawa persatuan dan kelab di peringkat universiti ini adalah berbeza berbanding persatuan-persatuan yang wujud di peringkat sekolah. Di sini mereka dapat belajar untuk menjadi seorang yang lebih berdikari dan bertanggungjawab melalui kegiatan yang bakal kami anjurkan", jelas lagi.

Nur Asma Syaznie Che Noor Azman, Sains Matematik 1, berkata beliau menyertai temuduga SRM ini kerana minatnya terhadap aktiviti-aktiviti kemanusiaan di samping ingin mendekatkan diri dengan masyarakat.

"Sebagai siswi tahun pertama, saya lebih gemar keluar untuk bergaul dengan masyarakat. Apabila rakan saya melihat iklan pencarian Sekretariat Rakan Muda USM di laman facebook, rakan saya terus mengajak saya dan beberapa rakan lain yang mempunyai minat yang sama. Kami tidak mahu dilabelkan sebagai pelajar 3K iaitu rutin harian hanya ke kafe, katil dan kelas", jelasnya.

> Penglibatan yang kurang dari pelajar tahun 3 berkemungkinan disebabkan oleh penumpuan terhadap projek tahun akhir mereka.

Skim Belajar ke Luar Negara beri pengalaman baru

Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) berpeluang merasai pengalaman belajar ke luar negara melalui Skim Belajar ke Luar Negara. Pelbagai universiti dan negara seperti Australia, Kanada, Finland, Korea, Jepun, Indonesia, dan Sweden yang ditawarkan menerusi program.

Menurut Penyelaras Program Mobiliti Pelajar, Dr Mohd Hafizal Mohd Isa, pada tahun ini beliau sudah menghantar seramai 129 siswa-siswi ke pelbagai negara seperti 121 siswa-siswi di Jepun dan selebihnya di Korea Selatan, Indonesia, Istanbul dan Burma.

"Beberapa siswa-siswi yang dihantar ke Korea Selatan memilih Chonnam National University dan Hangkuk University sebagai destinasi pertukaran mereka. Program ini juga sebenarnya melatih siswa-siswi untuk menerima cara pemikiran baru yang mana cara pembelajaran dan pendidikan yang berlainan di peringkat global.

"Saya sendiri sudah merasai pengalaman ini pada tahun 2003. Saya telah dihantar ke Australia. Ketika saya di sana, banyak pengalaman dan perubahan yang saya alami dari segi perubahan perspektif, bagaimana bekerja dengan seseorang yang mempunyai tahap yang berlainan, bagaimana membina rangkaian (networks) dan sedikit sebanyak ia mengubah saya kepada seorang yang berkeyakinan tinggi", jelasnya dalam taklimatnya baru-baru ini.

Noorlina Rabik, Komunikasi 3, berkata beliau berminat dengan Skim Belajar ke Luar Negara ini kerana inginkan pengalaman merantau ke negara orang sambil menuntut ilmu.

"Saya tidak kisah andai ditawarkan atau dihantar ke mana-mana negara kerana bagi saya ilmu di mana sekalipun adalah sama asalkan niat untuk belajar itu sentiasa ada. Ahli keluarga terdekat saya juga pernah mengikuti program seperti ini dan ianya sesuatu yang mengujakan apabila mereka berkongsi pengalaman dengan saya", katanya.

Bagi siswa-siswi yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Skim Belajar ke Luar Negara boleh menghadirkan diri ke taklimat program ini pada hari Selasa dan Khamis, jam 12 tengah hari sehingga 1 petang di Pejabat Antarabangsa USM.



BERMINAT ... Sebahagian dari siswa-siwi yang hadir ke taklimat Skim Belajar ke Luar Negara baru-baru ini.

The never-ending maze



FILM The Maze Runner
DIRECTOR Wes Ball
GENRE Action, adventure, mystery, science fiction, thriller
CAST Dylan O'Brien, Kaya Scodelario, Will Poulter, Aml Ameen, Thomas Brodie-Sangster, Ki Hong Lee
REVIEWED BY Michele Ng Heng Kim

Loyal fans of the author James Dashner will be leaping in joy with the release of the latest film adaptation of his bestselling series. For non-fans, fear not as the film does not run far from its title 'maze' and 'runner'.

The film begins with arrival of Thomas at the Glade in an elevator that brings a boy up monthly with supplies. The Glade, as it is called is a spacious area of meadows and woods that is completely, surrounded by concrete walls. Just like those before him, Thomas, a Greenie has no recollection of his past. The only thing that they recall is their name. As Thomas got along with the other boys, he learns the way of the Glade from the leader, Alby and his co-leader, Newt.


Beyond the walls is a maze. Every night, the gate closes and the Maze will change its layout daily. The only one who dare brace the complex labyrinth is the Runners led by Minho on a sole quest to find a way out. Nightfall is their limit as giant, mechanical spider-like creatures called Grievers start to roam the Maze.

However, Thomas's curiosity differ him from the rest. His very arrival changes the norm in the Glade. Nobody has ever survived a night in the Maze but he did. To make matter worse, the sudden, unexpected arrival of the elevator bearing the first girl, Teresa who remember Thomas add the tension to the already tensed Gladers. Will Thomas be the saviour or the enemy of the Gladers?

The film despite progressing quite slowly in the beginning begins to develop greatly in terms of unexpected plot and exciting action. They leave no room to breathe and to let your sight roam away for a second is a crime. The special effects are top-notch and I detect no possible flaws. For those who think this film is just all action and adventure, you will be surprised with the emotional aspect successfully instilled by the director Wes Ball. A scene with a mere span of few minutes is able to bring tears to its audience.

At the end of the film, you will be shocked by the surprising turn of event. Just when you thought one mystery is solved, another mystery reveals itself. What is it? That is up to you to figure it out.

Holistik dalam belajar



JUDUL Bagaimana Menjadi Seorang Pelajar yang Baik dan Berjaya
GENRE Motivasi
PENULIS Prof. Dr Muhaya Hj Mohamad
DIULAS OLEH Nabilahaisah Tawang

Pada peringkat pengajian tinggi, suasana dan kaedah pembelajaran sudah tentunya agak berbeza jika dibandingkan di alam persekolahan. Sesetengah pelajar mungkin menghadapi kejutan budaya dan masalah pembelajaran. Hal ini seringkali melingkari pemikiran terutama pelajar tahun pertama menyebabkan kekangan pada tahun seterusnya.

Profesor Dr Muhaya Hj Momahad memandang serius atas perkara ini. Beliau telah mengemukakan beberapa tips yang berkesan bagi seseorang pelajar yang mahukan kejayaan yang sebenar.

Walaupun beliau banyak menjurus kepada cara belajar pelajar perubatan, namun perkongsian yang diberi amat berguna kepada pelajar lain juga. Beliau amat menekankan aspek fizikal, emosi, kerohanian dan sosial yang mengukuhkan keberanian untuk menyahut cabaran dalam belajar.


Pengalaman semasa belajar dan mengajar turut dikongsikan bersama supaya pelajar boleh meletakkan diri ke dalam situasi tersebut semasa membaca. Terdapat banyak tabiat seharian yang perlu diubah sekiranya pelajar tersebut mendambakan kejayaan.

Pelajar akan lebih berpandangan lebih mendalam dalam menilai sesuatu perkara. Hal ini berikutan anak muda kini seringkali berfikiran singkat dengan hanya bersikap ambil mudah dalam apa-apa perkara.

Penerapan nilai-nilai murni dalam tulisan beliau dapat menghakis ego dan sikap negatif dalam diri pelajar. Bagi mengelakkan sikap ini terus menular, beliau amat mementingkan belajar berkumpulan selain dapat menajamkan proses pembelajaran semasa berinteraksi.

Oleh itu, kesungguhan yang perlu datang dari diri pelajar sendiri adalah penting bagi menentukan kegagalan atau kejayaan. Perlakuan dan pemikiran yang positif seharusnya ada sebagaimana yang disarankan oleh beliau bagi mewujudkan persekitaran yang sihat dan baik. Sememangnya amat payah untuk menempuhi dugaan dalam belajar, namun usaha yang berterusan mampu mengubahnya menjadi mudah.

Sunnah jadi pegangan hidup



JUDUL Diari Hidup Rasulullah S.A.W
PENULIS Muhammad Abd. Syukur, Muhammad Muslih Aziz, Muhammad Syamsul Yakin
GENRE Islamik
DIULAS OLEH Nor Khamisah Saidin

Buku ini mengisahkan amalan dalam kehidupan Rasulullah S.A.W. bermula seawal pagi hingga waktu tidur. Amalan sunnah Rasulullah S.A.W terkandung hikmah yang membentuk keperibadian yang baik dan unggul.

Diari Hidup Rasullah S.A.W. menjelaskan rahsia keunggulan pengamalan tujuh sunnah utama. Baginda memulakan setiap hari dengan solat tahajud, membaca dan memahami al-Quran, solat subuh berjemaah di masjid, bersedekah, menjaga wuduk sepanjang waktu, mengamalkan solat sunat dhuha dan mencintai zikrullah.

Buku ini menerangkan pengamalan sunnah Rasulullah S.A.W. yang mampu membantu manusia dalam kehidupan seharian. Penulis buku bijak memberikan contoh dalam menerangkan setiap sunnah yang diamalkan baginda dengan kehidupan pada zaman serba moden supaya menjadi ikutan.

Pada zaman moden ini, manusia lebih mementingkan keperluan material berbanding pengisian rohani sehingga menyebabkan mereka tidak bersyukur dan mementingkan diri sendiri. Sunnah Rasulullah S.A.W. dapat mengisi keperluan rohani dalam diri sekaligus menjadikan karakter kita lebih positif.

Sunnah Rasulullah S.A.W. harus dijadikan ikutan kepada umat Islam terutamanya golongan muda. Kita perlu mempraktikkan sunnah untuk mendapatkan ketenangan dan kedamaian sebenar dalam hidup.

> "Baginda memulakan setiap hari dengan solat tahajud, membaca dan memahami al-Quran, solat subuh berjemaah di masjid, bersedekah, menjaga wuduk sepanjang waktu, mengamalkan solat sunat dhuha dan mencintai zikrullah."

USM Minden Tiger persiap diri hadapi saingan Piala MASUM 2014

“Pasukan bola sepak Minden Tiger USM akan membuat rombakan pemain yang sedia ada dan akan mengadakan pemilihan untuk mencari mereka yang berpotensi menyertai pasukan ini.”



JURULATIH pasukan bola sepak, Abdul Halim memerhatikan pasukan bimbingannya ketika sesi latihan di Stadium Olahraga, USM

Oleh **NUR EMIRA BT SAIZALI**

Pasukan bola sepak Minden Tiger Universiti Sains Malaysia (USM) mensasarkan peringkat separuh akhir di Piala Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014 yang akan berlangsung pada 17 hingga 19 Oktober ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Menurut jurulatih pasukan bola sepak USM, Ahmad Norafandy Mohd Yatim, setakat ini para pemain menjalani persiapan yang rapi untuk mengekalkan stamina dan beberapa perlawanan persahabatan telah diadakan sebagai persediaan menghadapi saringan Piala MASUM 2014 nanti.

“Kami mempunyai sasaran tertentu untuk Piala MASUM kali ini tetapi tidak memberi tekanan yang tinggi kepada para pemain sehingga boleh menjejaskan konsistensi para pemain dan sekiranya pencapaian mereka melebihi sasaran, itu merupakan satu bonus kepada pasukan kami”, jelasnya lagi kepada *Berita Kampus*.

Seorang lagi jurulatih pasukan bola sepak USM, Abdul Halim Mohamad Salim berkata setiap pemain mempunyai kemahiran dan kekuatan tersendiri.

“Saya percaya bahawa kekuatan utama pasukan ini ialah semangat kerjasama berpasukan yang baik antara pemain dan ia merupakan aspek penting untuk setiap pasukan yang bertanding kelak”, katanya lagi.

Pasukan bola sepak Minden Tiger USM akan membuat rombakan pemain yang sedia ada dan akan mengadakan pemilihan untuk mencari mereka yang berpotensi menyertai pasukan ini.

“Harapan saya terhadap para pemain yang bakal menyertai pasukan ini perlulah mempunyai komitmen yang tinggi dan minat yang mendalam dalam bola sepak”, tambah Abdul Halim lagi ketika ditemui semasa sesi latihan pasukan bola sepak Minden Tiger USM.

USM raih 2 perak dalam Kejohanan Petanque IPT 2014

Pasukan Petanque Universiti Sains Malaysia (USM) telah memenangi dua pingat perak dalam Grand Finale Kejohanan Petanque IPT 2014 pada 4 hingga 7 September yang lalu di Arena Petanque Balok, Kuantan. Menurut Mohamad Yusuf Mislam, Perumahan, Bangunan dan Perancangan, 3, beliau tidak menjangkakan kemenangan itu kerana mensasarkan hingga separuh akhir sahaja.

“Para atlet sangat komited dan banyak berkorban masa untuk berlatih walaupun latihan dijalankan semasa cuti semester”, ujar Yusuf.

Tambahnya lagi, mereka meraih pingat perak bagi kategori perseorangan lelaki iaitu beliau sendiri dan double wanita iaitu Noor Mahirah Saaidin, Ilmu Kemanusiaan, 3 dan Sharifah Iffahanim, Sains Fizik, 3.

“Selepas ini kami akan melakukan persiapan dan latihan harian untuk menghadapi Kejohanan Sukan Universiti Malaysia-Thailand yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 September ini di USM. Malah, seramai tiga orang atlet petanque USM telah terpilih untuk pemilihan akhir skuad kebangsaan ke ASEAN University Games pada November di Palembang”, ujarnya lagi.

Sebanyak 73 buah pasukan yang terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik serta Kolej Komuniti telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

Atlet renang USM cemerlang di Shah Alam



“Kesemua atlet menunjukkan pencapaian yang cemerlang dengan mengumpul pingat masing-masing sebanyak 5 perak dan 7 gangsa”

CHOONG KEI YERN di lorong 6 bersedia beraksi dalam acara 100 meter kategori terbuka gaya bebas lelaki.

Pasukan Renang Universiti Sains Malaysia (USM) semakin mendapat tempat di Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) apabila atlet renang menunjukkan pencapaian yang cemerlang di kejohanan 3rd Arena Short Course Swimming Selangor Meet 2014, dengan mengutip 12 pingat di Kolam Renang Shah Alam.

Menurut Jurulatih Renang USM, Khairuddin Bin Saidin, amat berpuas hati dengan atlet renang yang telah menunjukkan prestasi yang baik sebelum menghadapi cabaran ke Kejohanan Renang MASUM yang bakal diadakan di Terengganu pada awal November ini.

Kejohanan yang diadakan pada 12 hingga 14 September lalu mendapat sambutan yang amat baik dari kelab renang di seluruh Malaysia. Perenang yang memenangi pingat di kejohanan tersebut ialah Choong Kei Yern, Low Kheng Aik, Lim Ping Ru dan Tan Rhu Yee.

“Kesemua atlet menunjukkan pencapaian yang cemerlang dengan mengumpul pingat masing-masing sebanyak 5 perak dan 7 gangsa. Mereka hanya menjalani latihan persiapan yang amat singkat selama seminggu walaupun kejohanan hampir bermula”, katanya kepada Berita Kampus.

Walaubagaimanpun, Khairuddin berharap agar semua atlet baharu dan lama mampu meneruskan legasi sukan renang hingga ke peringkat antarabangsa.

Atlet USM menyerlah di Karnival IMT-GT



TIMBALAN Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Profesor Dr Adnan Hussein (belakang papan USM Malaysia) bergambar bersama atlet dan pegawai sukan di Karnival IMT-GT.

Oleh **IAN LEONDY**

Atlet Universiti Sains Malaysia (USM) menyerlah di Karnival Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) kali ke-16 yang merupakan kejohanan tahunan yang julung kali diadakan di Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia pada tahun ini.

Karnival IMT-GT pada tahun ini disertai seramai 67 atlet terdiri daripada 43 orang lelaki dan 24 orang wanita melibatkan beberapa acara sukan lain seperti bola sepak, bola keranjang (L), bola tampar (W), silat, badminton dan tenis.

USM meraih 3 pingat, 1 emas dari sukan tenis wanita berpasukan, 1 gangsa lelaki tenis berpasukan dan 1 gangsa dari wanita badminton berpasukan.

Selain itu, acara kebudayaan juga memenangi 2 anugerah iaitu Best Team Spirit Award dan Best Themed Performance seramai 43 orang peserta. Manakala, kategori acara seminar mendapat tempat ke-2 dalam kategori yang dipertandingkan.

Karnival IMT-GT kali ke-17 akan diadakan di Universiti Utara Malaysia.

Tenis wanita USM raih pingat emas di Karnival IMT-GT

Baru-baru ini pasukan tenis wanita USM (Universiti Sains Malaysia) berjaya merangkul pingat emas di Karnival IMT-GT (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle) dalam perlawanan dengan UniMED. Karnival IMT-GT berlangsung di Universitas Sumatera Utara, Medan pada 22 hingga 28 Ogos lalu.

Pasukan tenis wanita USM diwakili oleh Tey Ie Vonn, Cally Low Sim Ee, Alieya Natasha Shaifol Hizam, Natassya Nabilla Yusoff, Puteri Nor Khatijah Abd. Hamid. Pasukan tenis lelaki pula diwakili oleh Lukman Hakim Abdul Aziz, Chen Yen Chuan, Tan Li Vern, Mohd Fahmi Mohd Yusof dan Izzul Zikri Kassim.

"Saya berasa sangat gembira kerana akhirnya kami dapat menang pingat emas setelah dua tahun berturut-turut mendapat pingat perak. Misi sudah tercapai kerana dapat merebut kembali pingat emas yang pernah dimenangi oleh senior pada tahun 2011 di Medan." kata Tey Ie Vonn.

Menurut Tey Ie Vonn, rahsia di sebalik kejayaan ini adalah melakukan latihan yang berterusan dan mempersiapkan diri dengan kekuatan mental dan fizikal.

Beliau juga sangat berterima kasih kepada jurulatih, Alvin Lee dan pengurus pasukan, Muslim Othman. Beliau berharap pasukan tenis USM akan terus menjuarai Karnival IMT-GT.

Pesta Bola Jaring julang nama USM di persada antarabangsa

Sebanyak sembilan kategori telah dibuka untuk dipertandingkan pada Pesta Bola Jaring Universiti Sains Malaysia (USM)-Antarabangsa Pulau Pinang kali ke-24 (PBJ24), yang akan bermula dari 17 hingga 19 Oktober, di Stadium Olahraga USM, Pulau Pinang.

PBJ24 itu sentiasa mendapat penyertaan yang memberangsangkan daripada pasukan luar terutamanya daripada negara jiran. Pesta Bola Jaring yang mendapat tajaan utama oleh Milo (Nestle Product Sdn. Bhd.) akan disertai oleh pasukan dari Sri Lanka dan Thailand.

PBJ24 ini diadakan untuk mempromosikan Pulau Pinang dan khususnya Malaysia, serta pengenalan menarik kepada dunia. Pesta ini berhasrat untuk membangkitkan USM bagi mencipta nama bukan sahaja dalam negara, malah di peringkat antarabangsa.

Dalam mesyuarat pertama yang diadakan di Pusat Sukan dan Rekreasi, Pengerusi Sekretariat Pesta Bola Jaring, Rozaine Palah, telah mensasarkan anggaran sebanyak 156 pasukan yang bakal berentap dalam sembilan kategori Oktober nanti iaitu Bawah 12 Tahun, Bawah 15 Tahun, Bawah 18 Tahun, USM Lelaki, USM Wanita, Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Institut Pengajian Tinggi (IPT) Lelaki, dan IPT Wanita.

Katanya lagi, penyertaan telah dibuka 9 September lalu dan borang penyertaan boleh didapati di laman web rasmi PBJ24. PBJ24 yang akan akan menutup penyertaan pada 2 Oktober ini.



PEMBENTANGAN tugas daripada exco-exco dalam mesyuarat Pesta Bola Jaring 2014 Rabu di Pusat Sukan dan Rekreasi, USM.